

“MARILAH kita namakan bulan-bulan Ramadan dan Hari Raya itu sebagai 'bulan kasih sayang', semoga semangat dan jiwanya akan terus mengilhami kita di sepanjang masa.”
- Titah Sempena Menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 29 Januari 1998.



“KATAKANLAH kepada mereka sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itulah petunjuk yang benar.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 120).

Utamakan nilai-nilai kepimpinan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said

SUNGAI AKAR, Isnin, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertitah menegaskan Sekolah Pegawai Kadet hendaklah peka dengan perkembangan-perkembangan semasa baik di dalam mahupun di luar negara.

Dalam masa yang sama, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, langkah-langkah pengesahan atau *external validation* juga perlu dibuat untuk menggalakkan pihak sekolah menjana perubahan secara progresif.

Kebawah DYMM bertitah demikian pada Upacara Sovereign's Parade

Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan, ABDB Pengambilan Kesembilan, berlangsung di Padang Kawad, Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar, di sini.

Baginda bertitah, dalam masa yang terdekat, semua pegawai kadet akan menerima watikah pelantikan sebagai pegawai bertauliah yang mana watikah pelantikan ini hendaklah dilihat sebagai amanah dan kewajipan bagi setiap diri pegawai untuk mengutamakan nilai-nilai kepimpinan, ketaatsetiaan, keberanian dan berkelakuan baik.

Setiap pegawai tentera, titah baginda, dikehendaki untuk menjalankan tugas dan bertanggungjawab dengan teliti dan rajin, di samping memelihara tatatertib mengikut lunas-lunas perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Ke muka 24

Berangkat ke Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan mengurniakan Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada 21709 Pegawai Kadet Siti Syamimi binti Haji Emran pada Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB Pengambilan Kesembilan yang berlangsung di Padang Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar. - Foto : Masri Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12, 13 dan 24).

1 Ramadan bermula hari ini

Oleh : Abdullah Asgar

JERUDONG, Isnin, 8 Julai. - Umat Islam di negara ini akan mula menunaikan ibadah puasa pada hari Rabu, 10 Julai ini bersamaan 1 Ramadan 1434 Hijriah berikutan tidak sabit kelihatan hasil merukyah anak bulan dilakukan di beberapa lokasi di negara ini.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, seperti lazimnya Bukit Shahbandar digunakan sebagai tempat merukyah awal anak bulan Ramadan, begitu juga di Bukit Agok dan Bukit Ambok bagi Daerah Tutong dan Bukit Lumut bagi Daerah Belait.

Di Bukit Shahbandar petang tadi Hakim-Hakim Syarie, pegawai-pegawai Mahkamah-Mahkamah

Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri dengan beberapa pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan berada di sini bagi tujuan berkenaan.

Antara yang berada di Bukit Shahbandar termasuklah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Pengumuman mengenai hasil merukyah anak bulan Ramadan disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Ke muka 3

MPMK wujud demi kesejahteraan negara

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

GADONG, Isnin, 8 Julai. - Penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) mempunyai tiga tujuan utama yang lebih dikenali dengan 3M.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan perkara itu ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penasihat dan Ahli-Ahli MPMK Senegara yang berlangsung di Dewan Canselor,

Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Tujuan pertama, kata Yang Berhormat ialah mengukuhkan

keberkesanan institusi penghulu dan ketua kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi.

Ke muka 3

DI DALAM



Muka 3

BRUNEI sambut Hari Metrologi Sedunia 2013



Muka 4

PELBAGAI dasar, program basmi kemiskinan

Jadilah wira negara dan patriot sejati

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta terlebih dahulu merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta juga dengan ikhlas mengucapkan syabas dan tahniah di atas pertunjukkan perbarisan yang cukup baik, rapi dan bersemangat tinggi sebentar tadi.

Dengan izin dan limpah rahmat Allah jua, dapatlah kita pada pagi ini bersama-sama bagi upacara Sovereign's Parade Pengambilan Kesembilan Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Beta turut berbesar hati dan bangga kerana seramai 26 pegawai-pegawai kadet telah menyahut cabaran memasuki kerjaya tentera dan sehingga ke saat ini telah membuktikan kesungguhan mereka untuk melepasi segala ujian. Syabas dan tahniah juga kepada semua Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan yang akan ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera dalam ABDB.

Pencapaian ini tidak syak lagi adalah sangat besar artinya kepada masa depan bangsa dan bagi kesinambungan pertahanan dan keselamatan negara. Penghargaan dan pujian patut diberikan kepada Sekolah Pegawai Kadet terutama kepada komander, pegawai-pegawai staff serta *color sarjan* atas usaha mereka yang gigih dan tidak mengenal letih selama 42 minggu untuk menjalani dan melaksanakan program dan latihan dengan jaya.

Sovereign's Parade adalah garis penamat atau acara kemuncak dalam medan latihan tentera. Hari ini adalah detik bersejarah yang juga wajar untuk sama-sama dikenang dan dibanggakan oleh para ibu bapa dan keluarga siapa yang bertanggungjawab mengasuh dan membesarkan anak-anak sehingga dewasa dan kini mereka itu adalah wira negara.

Para ibu bapa dan penjaga patut mensyukuri pencapaian kerana pegawai-pegawai kadet adalah barisan pelapis yang bakal memegang teraju kepimpinan selaku pegawai tentera dalam ABDB. Pencapaian pegawai-pegawai kadet wajar disyukuri kerana latihan intensif selama 42 minggu membawa kesan yang besar dan mendalam sehingga mampu merubah sifat dan keperibadian pegawai menjadi lebih bertanggungjawab.

Melalui latihan, mereka ini telah disiapkan dengan kewaspadaan menghadapi cabaran dan begitu juga dengan keperkasaan diri selaku wira. Beta yakin pegawai-pegawai kadet dapat disifatkan sebagai antara kumpulan remaja



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Pengambilan Kesembilan di Padang Kawad, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan ABDB Perkhemahan Sungai Akar pada hari Isnin, 8 Julai 2013.

terbaik yang berkaliber tinggi yang telah bersedia untuk memikul tanggungjawab besar selaku pemuda harapan bangsa dan pemuda tiang negara.

Beta berharap segala kualiti dan nilai jati diri yang diperolehi daripada latihan akan terus dipelihara dengan sebaiknya, digilap dan dipertahankan, bukan dibiarkan kabur dan dicemari oleh tingkah laku buruk yang boleh mencacatkan imej institusi ABDB.

Di kesempatan ini, beta ingin mengalu-alukan 26 orang pegawai kadet pengambilan kesepuluh yang menyertai perbarisan. Beta sangat menghargai kecenderungan dan semangat patriotik yang mereka tunjukkan. Jadilah patriot sejati, jangan undur dan jangan kendur semasa menjalani latihan sehinggalah ke penghujungnya.

Perlu disebut di sini bahawa Sekolah Pegawai Kadet adalah berperanan untuk memastikan kualiti pegawai kadet itu sentiasa relevan dan sejajar dengan perkembangan struktur organisasi Angkatan-angkatan Tentera.

Ke arah ini, Sekolah Pegawai Kadet hendaklah peka dengan perkembangan-perkembangan semasa baik didalam mahupun

di luar negara. Dalam masa yang sama, langkah-langkah pengesahan atau *external validation* juga perlu dibuat untuk menggalakkan pihak sekolah menjana perubahan secara progresif.

Dalam masa yang terdekat, semua pegawai kadet akan menerima watikah pelantikan sebagai pegawai bertauliah. Watikah pelantikan ini hendaklah dilihat sebagai amanah dan kewajipan bagi setiap diri pegawai untuk mengutamakan nilai-nilai kepimpinan, ketaat-setiaan, keberanian dan keberkelakuan baik.

Setiap pegawai tentera dikehendaki untuk menjalankan tugas dan bertanggungjawab dengan teliti dan rajin, di samping memelihara tatatertib mengikut lunas-lunas perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan dengan lafaz *Bismillahir Rahmannir Rahim*, beta sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Tentera didalam ABDB kepada 26 orang pegawai kadet pengambilan kesembilan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

10 JULAI 2013 BERSAMAAN 1434 1 رمضان

MARHABAN AHLAN WAHSAHLAN YA RAMADANI!

KINI sudah tiba masanya bulan yang dinantikan oleh umat Islam di seluruh dunia menyambutnya dengan rasa syukur dan gembira iaitu bulan Ramadan bulan seribu rahmat. Bulan Ramadan ialah bulan yang penuh dengan keinsafan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Di mana kita akan melakukan ibadah puasa pada siang harinya dan bersembahyang Sunat Terawih berjemaah di masjid-masjid dan bersahur di subuh hari sebagai amalan yang dituntut oleh agama Islam.

Sebagaimana dalam Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa." Surah Al Baqarah ayat 183.

Di Negara Brunei Darussalam aktiviti-aktiviti keagamaan sangat rancak dijalankan apatah lagi apabila kedatangan bulan Ramadan ini. Orang-orang Islam khususnya akan melaksanakan kewajipan berpuasa sebagaimana puasa adalah salah satu ibadah yang wajib dilaksanakan bagi mereka yang sudah baliqh seperti mana syarat-syarat yang dituntut oleh ajaran agama Islam.

Melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan tidak lari daripada dugaan dan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Mereka berpuasa untuk menahan diri daripada makan, minum dan menahan hawa nafsu dengan penuh kesabaran dan ketakwaan. Apabila seseorang yang melakukan ibadah puasa semestinya melaksanakan dengan sungguh-sungguh dan tidak sama sekali melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa dan mendatangkan dosa.

Sedang kita berpuasa amalan-amalan sampingan yang boleh dilakukan adalah seperti membaca Al-Qur'an atau bertadarus beramai-ramai. Amalan membaca Al-Qur'an di bulan Ramadan adalah amalan yang sangat dituntut dan bermanfaat bagi meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Selama mana yang boleh kita lakukan selama itu juga amalan kita akan meningkat dengan amalan yang kita laksanakan.

Selain daripada amalan membaca Al-Qur'an aktiviti menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan seperti Sembahyang Sunat Terawih juga adalah sangat-sangat dituntut oleh agama Islam. Sembahyang Sunat Terawih Berjemaah di masjid-masjid juga menyemarakkan lagi suasana malam di bulan Ramadan, umat Islam tidak kira peringkat umur akan turut melaksanakan Sembahyang Sunat Terawih tersebut.

Jika sebelumnya kita terbiasa dengan melaksanakan kerja-kerja rutin di bulan yang lain, maka di bulan Ramadan ini melakukan sesuatu pekerjaan adalah sangat mencabar dan perlunya kesabaran yang tinggi bagi menghindari diri daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang terlalu berat dan meletihkan.

Oleh kerana itu adalah disarankan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam ini untuk mengambil kesempatan di bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan dan isikanlah dengan amalan-amalan ibadah bagi meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin. - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli/Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahrn Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Jorrani binti Haji Zainal

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C	25°C	32°C
MUARA		
31°C	25°C	31°C
PEKAN BANGAR		
31°C	24°C	31°C
PEKAN TUTONG		
31°C	25°C	31°C
PEKAN GERIA		
32°C	25°C	33°C
KUALA BELAIT		
32°C	25°C	31°C

Walaupun Bismillah
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Pembangunan Awan
Telefon: 2330142 sambungan 1886/1551 atau Talian Cuaca: 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Brunei sambut Hari Metrologi Sedunia 2013

Oleh : Aryentty Haji Ariffin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 8 Julai. - Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan negara lain di dunia tidak ketinggalan untuk memperingati Hari Metrologi Sedunia 2013.

Metrologi atau dikenali sebagai sains sukatkan merupakan salah satu sains yang berhubung kait dengan aktiviti ketetapan di dalam pengukuran, sukatkan dan timbangan yang mana ianya sangat diperlukan dalam kerja-kerja seharian untuk menjamin keselamatan dan perlindungan pengguna. Bagaimanapun masih terdapat setengah masyarakat yang belum lagi memahami akan kepentingannya.

Di negara ini, hari tersebut disambut dengan Perasmian Pembukaan Makmal Kalibrasi Suhu, Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama (KPSSU), berlangsung di Pejabat Pusat Standard Kebangsaan, Kampung Sinaut, di sini.

Perasmian Pembukaan Makmal tersebut dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Pusat Standard Kebangsaan melalui Bahagian Standard Sukatan akan memainkan peranan sebagai pihak berkuasa dalam memelihara Standard Sukatan Kebangsaan yang dapat dikesan (*traceable*) kepada Sistem Antarabangsa (SI Unit) iaitu International System of Units (SI).

Makmal-makmal di bawah Bahagian Standard Sukatan akan berperanan sebagai Makmal Metrologi Kebangsaan atau Makmal Sukatan Kebangsaan yang mempunyai bidang

tugas bagi memastikan Standard Sukatan Kebangsaan adalah selaras dengan SI Unit seperti dalam perjanjian Convention.

Peranan utama makmal ini adalah bagi menangani segala isu sukatkan yang berkaitan dengan 'Traceability dan Cross Border Recognition' serta dapat mendukung Standard Persijilan dan Pengiktirafan Makmal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi memudahkan aktiviti-aktiviti eksport di Negara Brunei Darussalam.

Perkhidmatan makmal ini juga akan dapat memudahkan serta membantu makmal-makmal ujian di bawah agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam menepati keperluan Pengiktirafan Makmal seperti 'Good Laboratory Practice - (GLP) bagi makmal, ISO/IEC 17025 bagi makmal kalibrasi dan ujian dan ISO 15189 bagi makmal perubatan dalam mendapatkan laporan ujian yang sahih.

Secara tidak langsung, makmal ini akan dapat membantu pengusaha kecil dan sederhana (PKS) serta industri-industri dan kilang-kilang dalam menepati standard persijilan antarabangsa seperti Persijilan Good Manufacturing Practice (GMP), Persijilan Produk, HACCP, ISO 22000, ISO 9001 dan ISO 14001.

Dalam majlis itu, tetamu kehormat juga mengadakan lawatan ke Makmal Kalibrasi Suhu dan mendengarkan taklimat 'Temperature Calibration: Life and Trade' dari wakil ISOTHERMAL Technology LTD, Mr. Nicholas Davies.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri

Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Ahli-ahli Majlis Standard Kebangsaan, pengarah-pengarah jabatan dan ketua-ketua bahagian KPSSU, pegawai-pegawai kanan dari makmal-makmal di agensi kerajaan dan swasta dan para pengusaha tempatan serta industri-industri yang berkaitan dengan metrologi.

Sambutan Hari Metrologi Sedunia diadakan di seluruh negara setiap tahun bagi memperingati 'Metre Convention' atau perjanjian yang dikenali 'Treaty Of The Metre' pada 20 Mei 1875 yang mana perjanjian ini bertujuan bagi memastikan keseragaman penggunaan standard sukatkan di seluruh negara.

Dalam perjanjian tersebut, Bureau of Weights and Measures (BIPM) dan International Organisation of Legal Metrology (OIML) iaitu badan-badan standard sukatkan diberi tanggungjawab dalam pembangunan dan pemantauan serta penggunaan *system metric* di peringkat antarabangsa.



MENTERI Perindustrian dan Sumber Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar memerhatikan satu demonstrasi pengawalan suhu pada cecair tulen (*pure water*) dengan diberi penerangan oleh wakil syarikat pembekal ISOTECH, Mr. Nicholas Davies.

Penubuhan MPMK demi kesejahteraan negara

Dari muka 1

Kedua, jelasnya, memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang ketiga tambah Yang Berhormat, ialah merancang serta melaksanakan segala rancangan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Menurut Yang Berhormat, tiga tujuan itu adalah menepati maksud takwa secara menahan diri daripada melakukan kejahatan sambil mengusahakan kebaikan diri sendiri dan orang lain supaya sama-sama selamat, sejahtera, aman dan bahagia.

"Ini ialah kerana MPM/MPK diwujudkan oleh kerajaan lebih 20 tahun lalu bagi memberikan corak baharu kepada kepimpinan tradisional penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung iaitu dengan membentuk kepimpinan kolektif, kepimpinan bersama dalam kalangan penduduk mukim dan kampung sambil mengekalkan posisi dan fungsi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sebagai orang yang dituakan yang menjadi orang tua-tua mukim dan kampungnya," tegas beliau.

Itulah cantiknya transformasi kepimpinan tradisional akar umbi kepada kepimpinan akar umbi moden menurut calak dan acuan Brunei, terang Yang Berhormat.

Tambahnya, dalam MPM/MPK ada unsur-unsur yang mewakili masjid, sekolah, wanita, belia dan badan-badan perniagaan dan kebajikan dan semua itu disepadukan dan diserikan untuk menjayakan tiga tujuan penubuhan MPM/MPK.

"Makanya jumlah keseluruhan orang yang menduduki lembaga kepimpinan mukim dan kampung seluruh negara setakat yang sudah dilantik dan dipilih adalah seramai lebih empat ribu (4,082) orang.

Bilangan ini bukan sedikit, ia terdiri daripada tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari sekalian yang sedia berkhidmat secara sukarela duduk dalam MPM/MPK," kata Yang



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan sijil kepada seorang penerima.

Berhormat.

Oleh kerana itulah tegas beliau, pergerakan MPM dan MPK telah berkesan membawa kebaikan kepada mukim dan kampung, berkesan untuk bersatu padu mendukung kepimpinan pemerintahan beraja yang berdaulat, adil lagi berkebakikan.

Jelas Yang Berhormat, pendekatan yang dipilih sedemikian itu sangat berpengaruh dalam mengekalkan suasana baik dan persefahaman dalam kalangan semua penduduk mukim dan kampung demi kesejahteraan mereka.

Dan yang juga sama pentingnya ialah cara dan pendekatan MPM/MPK dalam kegiatan dan pergerakannya sebagai kepimpinan akar umbi itu telah mendatangkan kesan yang baik pada memelihara dan mengekalkan keselamatan dan keamanan negara, kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Usaha dan pencapaian sedemikian adalah termasuk dalam erti kata takwa iaitu menahan atau mencegah diri daripada melakukan kejahatan sambil dalam waktu yang sama berusaha mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri dan juga kepada orang lain," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu dalam ucapan Setiausaha Tetap KHEDN, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin

Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin antara lain menerangkan mengikut perangkaan tahun 1996 telah menunjukkan sebanyak 36 MPM dan 160 MPK telah ditubuhkan dengan jumlah keramaian ahli 2,584 sejak penubuhan MPMK pada tahun 1993.

Setelah lebih 20 tahun ditubuhkan katanya, terdapat peningkatan jumlah yang ketara mengikut perkembangan pada masa itu iaitu dengan pembentukan sebanyak 38 MPM dan 176 MPK dengan masing-masing mempunyai keramaian ahli sebanyak 874 ahli MPM dan 3,208 ahli MPK yang membawa jumlah keseluruhannya sebanyak 4,082 orang manakala bagi penasihat pada masa ini ialah 199 orang.

Di majlis itu tetamu kehormat juga menyampaikan sijil-sijil latihan selaku penasihat, ahli-ahli majlis MPM dan MPK bagi sesi 2012/2016 dan sebagai penghargaan, penghormatan dan pengiktirafan, meningkatkan keyakinan ahli-ahli untuk lebih komited dalam menyejahterakan mukim dan kampung.

Yang Berhormat juga menyaksikan pameran projek-projek dan kegiatan-kegiatan MPM dan MPK yang terpilih dari semua daerah.

1 Ramadan bermula hari ini

Dari muka 1

Sembahyang Sunat Tarawih dan Majlis-majlis Bertadarus akan dimulakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara esok.

Sehubungan dengan itu waktu bekerja pada bulan Ramadan bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini akan bermula dari 8.00 pagi hingga 2.00 petang, manakala mereka yang bergaji hari hendaklah dikurangkan satu jam dari waktu biasa dan jam memulakan waktu bekerja mengikut budi bicara ketua masing-masing.

Sementara bagi sekolah-sekolah termasuk maktab-maktab, pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah serta sekolah swasta akan mengikut jadual atau pemakluman yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan.

Bagi pelajar-pelajar sekolah agama di bawah KHEU, pelajar Pra, Darjah I, II dan III akan dicutikan sepanjang Ramadan hingga Syawal, manakala Darjah IV, V dan VI akan hanya memulakan kelas dari pukul 12.30 tengah hari hingga 2.00 petang sahaja.

Selain itu, di beberapa buah kawasan telah disediakan gerai-gerai Ramadan bagi umat Islam membeli juadah berbuka puasa antaranya di kawasan letak kenderaan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, kawasan Pasar Baharu Gadong, kawasan letak kereta Bangunan Alat-Alat Kebersaran Diraja serta beberapa kawasan lagi yang disediakan oleh beberapa agensi kerajaan.



PEGAWAI dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan ketika menerangkan kedudukan anak bulan Ramadan yang dirukyah. Turut sama di tempat penglihatan anak bulan ini ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

Berita dan Foto :
Ihsan Kementerian Kebudayaan
Belia dan Sukan

YOGYAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Jumaat, 5 Julai. - Bagi menangani isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat, Negara Brunei Darussalam akan terus melaksanakan pelbagai dasar dan program.

Sementara itu Jawatankuasa Khas Menangani Kemiskinan yang ditubuhkan bersama dengan agensi-agensi yang lain melaksanakan pelbagai usaha bersepadu berdasarkan pelan tindakan yang dibentuk menyasarkan kepada kumpulan tertentu sama ada di peringkat individu, keluarga dan masyarakat.

Program pemerkasaan tersebut meliputi pelbagai aspek termasuk pendidikan inklusif, penyediaan program kemahiran dalam bidang vokasional dan teknikal, bantuan pinjaman kredit, program keusahawanan dan juga untuk meningkatkan pengeluaran barang-barang tempatan.

Kesemua usaha ini akan terus diunkayahkan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan awam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan perkara itu semasa berucap pada Sidang Pleno Mesyuarat Ke-8 Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE) yang diadakan di Yogyakarta, Republik Indonesia pada 5 Julai 2013.

"Walaupun kita telah melaksanakan pelbagai jenis strategi yang difikirkan bersesuaian bagi menangani isu kemiskinan tetapi kita juga masih menghadapi pelbagai cabaran," ujar Yang Berhormat.

Ini, jelas Yang Berhormat, kerana isu kemiskinan mempunyai pelbagai dimensi yang boleh menjejaskan usaha-usaha ke arah pembangunan sosioekonomi sesebuah negara.

Oleh itu tambahnya, usaha untuk membasmi kemiskinan ini perlu diteruskan dengan membuat beberapa strategi yang bersesuaian terutama bagi menangani cabaran-cabaran yang berbangkit.

Berdasarkan pengalaman dalam menangani isu ini, ujarnya, Negara Brunei Darussalam turut menyedari bahawa untuk membasmi kemiskinan dan pembangunan sosial yang mapan, perlindungan sosial perlu disediakan bagi keseluruhan peringkat kehidupan.

Oleh itu katanya, kejayaan sesuatu dasar dan program ke arah pembasmian kemiskinan akan

Pelbagai dasar, program basmi kemiskinan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah bergambar ramai bersama-sama para Menteri ASEAN ketika menghadiri Sidang Pleno Mesyuarat Ke-8 Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE).

bergantung kepada bagaimana masyarakat yang kurang bernasib baik ini diperkasa agar mereka dapat mengawal dan bertanggungjawab terhadap kehidupan dan situasi masing-masing melalui pendekatan sosiopsikologi (*socio-psychology approach*).

Mesyuarat yang dianjurkan oleh Kementerian Koordinator Bidang Kesejahteraan Rakyat Republik Indonesia dengan kerjasama Sekretariat ASEAN itu dihadiri oleh Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan bersama delegasi masing-masing termasuk Sekretariat ASEAN.

Dengan tema 'Advancing Community Empowerment to Enhance a Better and Sustainable Livelihood', mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh Setiausaha, Kementerian Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Amb. Yuli Mumpuni.

Mesyuarat tersebut didahului

dengan beberapa mesyuarat peringkat pegawai kanan iaitu Tenth Senior Official Meeting on Rural Development and Poverty Eradication (10th SOMRDPE), Sixth Senior Official Meeting on Rural Development and Poverty Eradication Plus Three (SOMRDPE + 3), dan Second ASEAN Forum on Rural Development and Poverty Eradication.

Sementara itu, selaras dengan tema mesyuarat kali ini, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut mengongsikan usaha-usaha yang dibuat oleh Negara Brunei Darussalam ke arah memperkasa komuniti bagi meningkatkan kehidupan masyarakat yang lebih baik.

Penyediaan Skim Simpanan Perumahan di bawah Tabung Amanah Pekerja, Pengenalan Skim Caruman Pekerja, Program Memperkasa Komuniti, Projek Satu Kampung Satu Produk, dan program-program yang diusahakan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB) dan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung merupakan sebahagian daripada program-program ke arah memperkasa komuniti bagi meningkatkan taraf kehidupan masyarakat sekali gus menghindarkan mereka dari terjatuh ke dalam kemiskinan.

Menurut Yang Berhormat, bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik supaya tidak terjerumus dalam kemiskinan, Negara Brunei Darussalam telah mengambil beberapa langkah tertentu, umpamanya, pada permulaan tahun akademik 2012, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah melancarkan Program Bantuan Pendidikan.

Program ini, jelasnya, bertujuan bagi membantu pelajar-pelajar terdiri dari keluarga yang kurang bernasib baik dengan menyediakan beberapa bantuan seperti penyediaan tempat tinggal (*hostel*), pakaian seragam, peralatan sekolah dan yuran persekolahan.

Beberapa inisiatif lain juga telah diunkayahkan seperti memperkenal-

kan Skim Dermasiswa Vokasional dan Teknikal Brunei di institusi pendidikan swasta dalam negeri yang mana para penerima yang terdiri daripada rakyat akan menerima pembiayaan yuran pengajian, dan juga elaun kenderaan.

Begitu juga dengan Skim Pembangunan Sumber Manusia yang diperkenalkan bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat dan penduduk tetap yang bekerja di sektor swasta melanjutkan pelajaran masing-masing.

Sempena mesyuarat kali ini, satu majlis khas Penyampaian Anugerah Kepimpinan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) yang telah terpilih dari kesemua negara anggota ASEAN juga diadakan.

Majlis Penganugerahan yang julung-julung kalinya diadakan ini bertujuan bagi menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh NGOs di negara-negara ASEAN di dalam Program Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Luar Bandar.

Bagi Negara Brunei Darussalam, penerima anugerah buat pertama kali ini ialah YSHHB.

Menerima anugerah khas mewakili YSHHB ialah Pengarah Urusan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail disampaikan oleh Menteri Pemuda dan Olahraga Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama KRMT Roy Surya Notodiprojo dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Le Luong Minh dengan disaksikan oleh kesemua Menteri ASEAN.

Sebelum menghadiri mesyuarat tersebut, Yang Berhormat selaku Pengerusi AMRDPE Ke-7 telah menyerahkan tugas Pengerusi AMRDPE kepada Republik Indonesia yang menjadi Pengerusi AMRDPE Ke-8 bagi tempoh dua tahun akan datang.

Dalam ucapan penyerahan tersebut, Yang Berhormat mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua negara anggota ASEAN termasuk Sekretariat

ASEAN di atas kerjasama yang diberikan semasa Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi.

Menurut Yang Berhormat, dalam tempoh dua tahun yang lepas pelbagai pencapaian telah dicapai oleh AMRDPE seperti penyediaan Rangka Kerja Pelan Tindakan Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan disahkan semasa Mesyuarat AMRDPE yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2011.

Beberapa inisiatif lain juga telah dilaksanakan seperti ASEAN Volunteer Programme, ASEAN GO-NGO Forum on Rural Development and Poverty Eradication dan juga ASEAN Rural Development and Poverty Eradication Leadership Awards.

Seperti mesyuarat AMRDPE sebelumnya, mesyuarat kali ini juga mengeluarkan satu kenyataan bersama yang dikenali sebagai 'Joint Communiqué of the 8th AMRDPE'.

Kenyataan ini antara lain menggariskan bahawa para Menteri ASEAN telah mengambil maklum mengenai pencapaian beberapa projek seperti yang telah dirangka di dalam Pelan Tindakan Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan selain menyentuh mengenai penghargaan para Menteri ASEAN kepada NGOs dari negara-negara ASEAN yang telah menerima penganugerahan khas daripada AMRDPE.

Turut menyertai delegasi Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat itu ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus dan beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan YSHHB.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah bergambar kenangan bersama Anugerah khas yang diterima bersama Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Majlis keagamaan anjuran Masjid DRIPAD

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

MUKIM KILANAS, Jumaat, 5 Julai. - Aktiviti-aktiviti bercorak keagamaan bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan sedang giat diungkayahkan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (Masjid DRIPAD) menganjurkan Majlis Tahlil Sekampung dan diselenggarakan dengan Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim bertempat di Ruang Jemaah, masjid berkenaan, di sini.

Majlis dihadiri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku tetamu kehormat dan dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Bacaan Tahlil diimamkan dan dipimpin oleh Imam Masjid DRIPAD,



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menghadiri Majlis Tahlil Sekampung dan diselenggarakan dengan Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim anjuran Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit. (gambar atas kiri dan kanan)

Awang Haji Malik bin Haji Jumat.

Tetamu kehormat kemudiannya menyerahkan derma anak-anak yatim kepada seramai 14 orang terdiri dari

tujuh lelaki dan tujuh perempuan penduduk yang tinggal di Kampung Kilanas di bawah mukim berkenaan.

Acara disusuli dengan sembahyang



Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Malik.

Majlis tersebut diadakan merupakan salah satu acara tahunan Masjid

DRIPAD di samping ia adalah untuk sama-sama menyemarakkan lagi sambutan bulan Ramadan yang menjelang tiba.

26 Pegawai Kadet khatam Al-Qur'an



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menabur bunga rampai pada Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-9 yang telah menamatkan latihan.

KEM SUNGAI AKAR, Khamis, 4 Julai. - Dua puluh enam Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan pada hari tersebut mengkhatai Al-Qur'an di Surau Sekolah Pegawai Kadet, Sungai Akar sempena Perbarisan Tamat Latihan pegawai-pegawai tersebut.

Ini merupakan bacaan khatam Al-Qur'an ke-10 dan terakhir bagi Pegawai-pegawai Pengambilan Kesembilan sekaligus meraikan kejayaan mereka menamatkan latihan

itu.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir Timbalan Pemerintah ABDB, Pegawai-pegawai Kanan dan Kakitangan Akademi Pertahanan, ABDB.

Majlis bermula dengan bacaan surah Al Faatihah diikuti bacaan surah-surah Al-Qur'an oleh Pegawai-pegawai Kadet, bacaan Doa Selamat, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil.

Antara lain majlis itu bertujuan memohon keberkatan sempena kejayaan Pegawai-pegawai Kadet tersebut membaca Al-Qur'an 30 juzuk.

Sementara itu, Pemerintah ABDB dalam ucapannya menekankan pentingnya membaca dan memahami Al-Qur'an sebagai panduan kepada Pegawai-pegawai Kadet berkenaan yang membolehkan mereka memimpin anggota di jalan yang benar.

Selain itu, Pemerintah ABDB juga menekankan pentingnya membaca Al-Qur'an sebagai amalan bukan sahaja semasa mereka menjalani latihan tetapi lebih penting lagi selepas mereka meninggalkan Sekolah Pegawai Kadet tersebut.

"Ia merupakan peringatan berterusan terhadap semua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka," tegas Pemerintah ABDB.

Misi Sekolah Pegawai Kadet ialah untuk membangun kualiti kepimpinan, keperibadian dan intelektualisme Pegawai-pegawai Kadet sebagai kepimpinan masa hadapan ABDB.

Perkara yang penting dalam membangun kualiti-kualiti itu adalah berasaskan moral yang kukuh yang dianjurkan oleh agama Islam.

Ibadah saudara baru diberi perhatian

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 6 Julai. - Saudara-saudara baru yang terlibat dalam musibah kebakaran Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru, Mukim Amo disaran agar terus tekun beribadah dan bersabar serta tabah dalam menghadapi kejadian yang menimpa mereka ketika ini.

Saranan dibuat oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Azizah binti Haji Musa ketika ditemu bual oleh media semasa Majlis Penyerahan Bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru yang berlangsung di Rumah Panjang Kampung Sibut, Mukim Amo, di sini.

Menurut Dayang Hajah Azizah pihak PDI akan berusaha supaya saudara baru yang ditempatkan sementara di Rumah Panjang Kampung Sibut ditempatkan di tempat lain buat sementara bagi memudahkan mereka beribadah memandangkan kesukaran untuk menjaga aurat dan sebagainya jika terus ditempatkan di kawasan lapang Rumah Panjang Kampung Sibut ini.

Usaha untuk menempatkan saudara-saudara baru di tempat lain itu juga, jelasnya adalah bagi keselesaan saudara-saudara baru menunaikan puasa di bulan Ramadan yang akan menjelang beberapa hari sahaja lagi.

Terdahulu, Dayang Hajah Azizah menyampaikan sumbangan berbentuk makanan asasi kepada saudara-saudara

baru yang menjadi mangsa kebakaran Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru serta mangsa-mangsa yang tidak beragama Islam.

Sumbangan merupakan langkah segera yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui PDI sebagai tanda keprihatinan dan sikap pemedulian pihak kerajaan kepada para mangsa kebakaran tanpa membezakan agama yang dianuti.

Juga hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Azizah binti Haji Musa menyampaikan sumbangan kepada seorang mangsa kebakaran Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru.

Majlis Pengagihan Kurma ABDB

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 5 Julai. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Pengagihan Buah Kurma Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam peringkat Kementerian Pertahanan dan Bolkiah Garison Tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi yang berlangsung di Surau Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin

Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan Solat Fardu Subuh Berjemaah dan Kuliah Subuh dan seterusnya bacaan Ratib Al-Attas dan kemudian Majlis Pengagihan Buah Kurma Peribadi KDYMM kepada Wakil-wakil daripada Jabatan-arah-jabatanararah dan Jabatan-jabatan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan.

Turut hadir ialah Pengarah-Pengarah Tentera, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai dan Anggota Tentera Kementerian Pertahanan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan buah kurma kepada wakil-wakil daripada Jabatan-arah-jabatanararah dan Jabatan-jabatan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan.



KHEU adakan Majlis Bertahlil, Doa Arwah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa membacakan Surah Al Faatihah, Surah Yaasin, Tahlil dan Doa Arwah bersama Pegawai-pegawai dan Kakitangan KHEU dan Jabatan-jabatan dibawahnya.

Pelajar ITQSHHB menerima lantikan sebagai Imam



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof semasa menyampaikan Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Terawih Bulan Ramadan bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah Kampung Kiarong.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Julai. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkihah (ITQSHHB) mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Terawih berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kampung Kiarong, di sini.

Seramai 88 dari kalangan pelajar ITQSHHB menerima surat lantikan tersebut bagi masjid-masjid, surau-surau, dan balai ibadat yang terpilih di keempat-empat buah daerah sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan Buku Tazkiratul Anwar kemudian menyerahkan buku tersebut kepada imam-imam yang dilantik dalam Sembahyang Sunat Terawih bagi tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

JHEM menerbitkan Buku Tazkiratul Anwar yang mengandungi panduan Sembahyang Sunat Terawih, sembahyang-semahyang sunat pilihan, khatam Al-Qur'an dan yang berkaitan dalam bulan Ramadan.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Abd.

Rajid bin Haji Mohd. Salleh dalam ucapannya berkata kriteria pemilihan pelajar-pelajar ITQSHHB adalah berdasarkan kepada perakuan dari mualim atau pembimbing pelajar berkenaan antaranya mempunyai

bacaan yang menarik dan baik, di samping keterampilan, disiplin serta sahsiah yang terpuji.

"JHEM melalui Bahagian Bimbingan dan Latihan dengan kerjasama ITQSHHB juga mengadakan Bengkel Imam Sembahyang Tarawih bagi pelajar berkenaan yang mana bengkel itu bertujuan untuk mendedahkan mereka kafiyyat Sembahyang Tarawih secara praktikal antaranya kafiyyat bacaan Surah Al Faatihah, kewajipan toma'ninah dalam sembahyang dan yang berkaitan dengan hukum hakam dalam sembahyang," jelasnya.

Seterusnya beliau berharap buku Tazkiratul Anwar itu akan menjadi panduan para imam dan sekali gus dapat mengajak jemaahnya meningkatkan amalan khususnya di bulan yang penuh keberkatan Ramadan Al-Mubarak.

Buku tersebut menurutnya akan didedahkan kepada semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara termasuk surau Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan surau-surau di bawah kawalan Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Brunei.

"Saya ingin berpesan kepada imam-imam masjid yang dilantik agar memberikan komitmen yang sepenuhnya di masjid, surau dan balai ibadat berkenaan nanti terus bersemarak dan meriah dengan kehadiran biskita," ujarnya.

Majlis Khatam Al-Qur'an Sekolah Ugama Jerudong

JERUDONG, Sabtu, 6 Julai. - Sekolah Ugama Jerudong, Kawasan Brunei III telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Murid-murid Darjah VI Tahun 1434 Hijriah bersamaan 2013 Masihi.

Seramai 103 orang murid menyertai majlis berkenaan terdiri dari 55 orang murid lelaki dan 48 orang murid perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Unit Tilawah dan Dikir, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pg. Hajah Salbiah binti Pg. Haji Mohd. Salleh. Hadir sama Pegawai Pengajian Islam Daerah Kawasan Brunei III, Haji Sufri bin Amit@Osman dan juga Ketua Kampung Jerudong.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khatam Al-Qur'an oleh salah seorang peserta, Mohammad Haris bin Haji Mokhtar.

Antara matlamat majlis diadakan ialah untuk menggalakkan murid-murid sentiasa membaca Al-Qur'an dengan baik dengan lancar, di samping murid-murid dapat mengkhataamkan Al-Qur'an sebelum mereka meninggalkan/menamatkan Darjah VI di persekolahan agama.

Selain itu ia juga diharap dapat mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara ibu bapa, guru-guru dan murid-murid dalam sama-sama mengukayakan majlis-majlis keagamaan di sekolah.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Bertahlil khusus bagi kaum keluarga dan warga kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah kembali ke rahmatullah dan para muslimin dan muslimat amnya.

Hadir pada majlis yang berlangsung di bangunan kementerian berkenaan di sini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KHEU.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon kesejahteraan dan keselamatan pelajar-pelajar dan warga Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam berserta keluarga yang

berada di Republik Arab Mesir yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Ghani.

Acara diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, tahlil dan doa arwah.

Majlis Bertahlil dan Doa Arwah merupakan di antara majlis kekeluargaan yang diadakan setiap tahun oleh KHEU khusus bagi menyemarakkan lagi syiar Islam dan memeriahkan suasana menjelang bulan Ramadan yang akan ditentukan pada petang Isnin, 8 Julai 2013 Masihi.

Majlis tahlil seumpama ini diharap dapat meningkatkan rasa kesyukuran, keinsafan dan tawaduk dalam kalangan warga KHEU, di samping dapat mengumpulkan warga kementerian dalam suasana kekeluargaan dan muhibah dalam melaksanakan amalan sedekah berbentuk zikir dan ayat-ayat suci kepada masyarakat Islam khususnya ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah.

Khatam Al-Qur'an bagi residen Pusat Al-Islah



PENGARAH Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Jasmin bin Haji Jamuddin menyampaikan sijil kepada residen Al-Islah yang menyertai Majlis Khatam.

TUTONG, Sabtu, 6 Julai. - Jawatankuasa keagamaan Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik (BKN) menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi meraikan seorang pegawai wanita, 31 residen lelaki dan empat residen wanita Pusat Al-Islah, berlangsung di surau pusat tersebut, di sini.

Tetamu khas majlis ialah Pengarah BKN, Awang Haji Jasmin

bin Haji Jamuddin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah oleh tetamu khas diikuti Majlis Khatam Al-Qur'an, Bacaan Takhtim, Dikir Marhaban.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil-sijil kepada residen-residen yang mengikuti Majlis Khatam Al-Qur'an tersebut.

MAKLUMAN Perkhidmatan Pakej Haji, Pakej Umrah

JABATAN Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam memaklumkan bahawa sebanyak dua buah syarikat telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah bagi tempoh tiga tahun mulai sesi tahun 1434 Hijriah hingga 1436 Hijriah.

Syarikat-syarikat tersebut adalah:
- DARUSSALAM HOLDINGS SDN BHD, Airport Mall, Simpang 13-25, Unit 10-12 Ground Floor & First Floor, Kampung Jaya Setia, Mukim Berakas 'A', Negara Brunei Darussalam, Telefon : 2231964 / 2231965 Faksimile: 2231966, www.darussalamholdings.com
- STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN BHD No. 2, Ground Floor, Seri Anigma, Simpang 88, Kampung Kiulap, BE1518, Negara Brunei Darussalam, Tel: 2224050 / 2229356, www.straitscentral.com.

Raudhatul Husna johan Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan hadiah kepada Johan Lelaki Dewasa, Haji Awang Besar bin Muhammad.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan hadiah kepada Johan Perempuan Dewasa, Dayang Hajah Jalayah binti Abas.

JALAN MUARA, Ahad, 7 Julai. - Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an secara Muratal Ke-7 bagi penduduk Daerah Saiful muncul johan keseluruhan Brunei dan Muara yang berlangsung di

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Sahrizal Haji Md Said

Masjid Kampung Salambigar, di sini.

Selain itu, Dayang Raudhatul Husna yang menetap di Flat Perumahan Beribi juga dinobatkan Johan Kategori Belia Perempuan (berumur 12 hingga 23 tahun) setelah bacaan yang dipersembahkan iaitu Surah An-Nur Ayat 45 berjaya menambat hati para juri.

Manakala Kategori Belia Lelaki pula, johan disandang oleh Abd. Qawiy bin Haji May Yamin dari Kampung Anggerek Desa manakala johan Lelaki dan Perempuan Dewasa diraih oleh Haji Awang Besar bin Muhammad dan Dayang Hajah Jalayah binti Abas, keduanya dari Rancangan Perumahan Negara, Lambak Kanan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof.

Johan setiap kategori membawa pulang wang tunai BND200.00, sijil penyertaan dan piala iringan sementara johan keseluruhan akan menerima piala rebutan.

Manakala johan Kategori Dewasa Lelaki dan Perempuan akan menerima piala pusingan yang disumbangkan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Yang Ke-67 Tahun.

Naib johan setiap kategori pula menerima wang tunai BND150.00 manakala tempat ketiga menerima BND100.00 selain sijil penyertaan dan piala iringan.

Terdahulu dalam ucapannya, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, rakyat di negara ini

sangat beruntung kerana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah-titah baginda telah menekankan dan mengingatkan kita akan keagungan dan kesucian Al-Qur'an dan wawasan murni baginda untuk menjadikan Negara ini sebagai Negara Zikir Negara Al-Qur'an serta rakyat yang celik Al-Qur'an dan kuat beragama.

Kerajaan Kebawah DYMM jelas Yang Dimuliakan Pehin melalui kementerian-kementerian dan agensi-agensi tertentu telah menyediakan beberapa program, dan juga inisiatif ke arah usaha memartabatkan keagungan kitab suci dan juga meningkatkan kualiti pembaca-pembacanya dan menjadikannya amalan harian bagi kesempurnaan ibadat-ibadat yang lain.

Yang Dimuliakan Pehin seterusnya menyeru masyarakat dan penduduk agar sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi memberikan kekuatan, mengukuhkan tekad dan azam, baik secara individu dan membawa ahli keluarga dan saudara serta masyarakat Islam di negara ini amnya supaya sentiasa mendekatkan diri dengan Al-Qur'an, membacanya, mempelajarinya dan menghalusi pembacaan dan berusaha untuk menghafalnya selain menghayati serta mengamalkan ajaran-ajaran di dalamnya.

"Dengan melaksanakan tuntutan amalan membaca Al-Qur'an ini, kita yakin insya-Allah Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini seperti dihasratkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bergema dengan Al-Qur'an. Dan dengan berkat

Al-Qur'an dan bacaan-bacaan itu kita semua dan Negara Brunei Darussalam akan terus menerus dilimpahi rahmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala," ujar Yang Dimuliakan Pehin.

Seramai 50 orang peserta telah mengambil bahagian pada peringkat saringan iaitu 11 orang menyertai dalam Kategori Belia Lelaki, 17 orang dalam Kategori Belia Perempuan, 14 orang menyertai Kategori Dewasa lelaki dan lapan orang menyertai Kategori Dewasa Perempuan.

Pada peringkat akhir ini, hanya 12 orang peserta yang terpilih dan dibahagikan kepada tiga orang bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Pertandingan yang dianjurkan bersama oleh Majlis Perundingan Kampung Kawasan 5 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan dengan Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Ta'mir Masjid Kampung Salambigar itu merupakan salah satu projek tahunan Majlis Perundingan Kampung Kawasan 5 RPN Lambak Kanan dan adalah kali ketujuh diadakan tahun ini.

Selain itu ia juga bertujuan bagi menggalakkan penduduk-penduduk kampung khususnya penduduk Kampung Mukim Berakas 'B' dan amnya bagi penduduk-penduduk Daerah Brunei dan Muara supaya akan dapat menghayati dan mempelajari ayat-ayat suci Al-Qur'an sehingga ianya dijadikan dorongan dan ikutan akhir zaman.

Di samping itu, majlis seumpamanya juga dapat membantu menyebarkan syiar Islam melalui pertandingan Al-Qur'an secara Muratal sebagaimana yang pernah dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa masjid adalah tempat wadah menuntut Ilmu.

Pemilihan wakil Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Cawangan C PDB

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Julai. - Sarjan 2635 Pengiran Haji Dzulkiflee bin Pengiran Haji Aliuddin menjuarai Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Cawangan C Polis Diraja Brunei (PDB) 1434H/2013M dan sekaligus terpilih untuk mewakili Cawangan C untuk bertanding dengan cawangan-cawangan lain PDB.

Sementara itu naib johan disandang oleh Sarjan 2706 Haji Alihan bin Haji Abdul Rahman dan tempat ketiga pula dimenangi oleh Konstabel Polis 5593 Haji Mohd. Daud bin Haji Ismail.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para peserta pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Polis Kawalan Diraja Kampung Kiarong ialah Pegawai Pemerintah Polis Kawalan Diraja, Penguasa Kanan Polis, Mohammad bin Metussin.

Seramai tujuh orang peserta bertanding dalam Musabaqah Tilawah Al-Qur'an itu yang antara lain bertujuan untuk memilih wakil bagi mewakili Cawangan C untuk bertanding dengan cawangan-cawangan lain PDB, di samping mengetengahkan bakat-bakat dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dan kakitangan Polis Kawalan Diraja.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



JOHAN Musabaqah Tilawah Al-Quran Cawangan C disandang oleh Sarjan 2635 Pg. Haji Dzulkiflee bin Pg. Haji Aliuddin yang membaca sebahagian daripada Surah Al-Baqarah bermula dari Ayat 107 (atas).

PEGAWAI Pemerintah Polis Kawalan Diraja, Penguasa Kanan Polis, Mohammad bin Metussin menyampaikan hadiah kepada Johan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Cawangan C, Sarjan 2635 Pg. Haji Dzulkiflee bin Pg. Haji Aliuddin (kiri).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lawat mangsa kebakaran

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika mendengar sesi soal jawab dari mangsa-mangsa kebakaran Rumah Panjang Kg. Sumbiling Baru, Temburong.

20 pelajar mangsa kebakaran terima bantuan



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Kassim bin Haji Mohammad Yassin menyampaikan sumbangan keperluan sekolah kepada salah seorang murid.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 6 Julai. - Musibah menimpa 20 pelajar yang tinggal di Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan agar pembelajaran mereka tidak terjejas setelah rumah yang mereka didiami ranap dijilat api.

Atas rasa keprihatinan terhadap para pelajar tersebut, Kementerian Pendidikan menghulurkan bantuan awal bagi memastikan para pelajar terbabit dapat meneruskan pembelajaran seperti biasa.

Penyerahan bantuan yang berlangsung di Rumah Panjang Kampung Sibut, Mukim Amo itu disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Kassim bin Haji Mohammad Yassin.

Seramai 12 pelajar dari Sekolah Rendah Amo, seorang pelajar Sekolah Pai Yuek dan tujuh pelajar dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar yang sebelum ini tinggal di Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru menerima bantuan berupa peralatan sekolah, pakaian seragam sekolah serta keperluan lain bagi memudahkan mereka meneruskan persekolahan masing-masing.

Bantuan itu diharap tidak akan disia-siakan oleh para pelajar terbabit dan pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa menghulurkan bantuan yang diperlukan seperti buku-buku teks dan yang lain-lain agar mereka tidak terkandas dalam pembelajaran disebabkan musibah yang menimpa mereka itu.

TEMBURONG, Sabtu, 6 Julai. - Kebakaran yang meranapkan Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru, Mukim Amo merupakan cubaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi menguji sejauh mana para mangsa tabah menghadapi masa hadapan selepas berlakunya musibah tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan perkara itu semasa membuat perjumpaan dengan mangsa-mangsa kebakaran Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru, berlangsung di Rumah Panjang Kampung Sibut, Mukim Amo, di sini.

Ujar Yang Berhormat, cubaan itu adalah untuk menguji sejauh mana para mangsa menerima kerugian-kerugian yang mereka tanggung akibat kejadian tersebut.

"Allah Subhanahu Wata'ala mendatangkan ujian kepada hamba-Nya. Setelah ujian itu akan dilihat-Nya siapa yang takwa iaitu dapat menghadapi cabaran-cabaran dengan tidak merosakkan orang lain dan dirinya sendiri," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menasihatkan para mangsa agar menghadapi kejadian dengan sabar dan tabah dan berusaha serta berikhtiar mengatasi masalah yang timbul dengan sebaik-baiknya.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan Daerah Temburong dan beberapa agensi lain, jelas Yang Berhormat, akan menyelaraskan bantuan-bantuan yang diberikan sehingga berhasilnya



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri ketika meninjau dengan lebih dekat lagi akan kemusnahan yang diakibatkan oleh kebakaran Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru, Mukim Amo.

kesepakatan untuk membangun semula rumah panjang yang sudah musnah itu.

Sementara menanti terbinanya rumah panjang yang baru itu, para mangsa akan dipindahkan segera dari Rumah Panjang Kampung Sibut untuk ditempatkan sementara di flat-flat kerajaan di Pekan Bangar.

Pada majlis itu Yang Berhormat juga mendengarkan permasalahan yang diutarakan oleh mangsa-mangsa kebakaran berkenaan.

Terdahulu Yang Berhormat berpeluang mengunjungi tapak Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru

yang musnah akibat kebakaran yang berlaku pada hari Khamis kira-kira pukul 12.20 tengah malam.

Antara yang menyertai rombongan ialah Setiausaha Tetap KHEDN, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah serta para pegawai kanan di KHEDN dan Jabatan Daerah Temburong.

Mangsa kebakaran terus mendapat perhatian

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Jumaat, 5 Julai. - Nasib malang yang menimpa keluarga-keluarga Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru terus mendapat perhatian daripada pelbagai pihak yang bermurah hati dan bersimpati dengan musibah yang melanda mangsa-mangsa kebakaran tersebut.

Bantuan berupa makanan asasi terus dihulurkan bagi membantu meringankan penderitaan setelah rumah yang mereka diami ranap dijilat api pada tengah malam Khamis yang baru lalu.

Antara yang menghulurkan bantuan ialah Koperasi Pengangkutan Bersatu

Daerah Temburong Dengan Tanggungan Berhad (KPBDT DTB) yang diserahkan pada majlis yang diadakan di Rumah Panjang Kampung Sibut, tempat tinggal sementara para mangsa berkenaan.

Bantuan diserahkan oleh Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Bahrin bin Haji Talib kepada ketua-ketua keluarga mangsa.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian bantuan berbentuk makanan asasi dan kewangan kepada ahli-ahli KPBDT DTB yang terlibat dalam musibah, diserahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KPBT

DTB, Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Dalam pendekatan bersama media, Awang Haji Emran menjelaskan pihak KPBDT DTB turut merasa dukacita atas musibah yang menimpa mangsa-mangsa kebakaran di Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru itu.

Atas inisiatif ahli-ahli Lembaga Pengarah, ujananya, pihak koperasi telah mengukayahkan projek amal iaitu memberikan bantuan moral kepada mangsa-mangsa kebakaran termasuk ahli-ahli koperasi seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan koperasi yang mana setiap ahli koperasi yang menerima musibah akan dihulurkan bantuan.



BARANGAN makanan asasi sumbangan Koperasi Pengangkutan Bersatu Daerah Temburong Dengan Tanggungan Berhad kepada mangsa kebakaran Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru.

Ramadan Al-Mubarak

Motivasi untuk berjaya



SETIAP pekerjaan kita lebih lancar, laju, cekap dan berdaya maju di bulan Ramadan adalah bulan yang akan membangkitkan semangat bekerja demi menjalani kehidupan dengan lebih aktif.

BULAN Ramadan menjanjikan suatu kelainan daripada bulan-bulan yang lain, kita akan rasa lebih tenang, selesa dan tenteram dalam bekerja, belajar dan bergerak.

Setiap pekerjaan kita lebih lancar, laju, cekap dan berdaya maju. Tahukah awda, Ramadan adalah bulan yang akan membangkitkan semangat bekerja, belajar dan menjalani kehidupan dengan lebih aktif, maju dan bertenaga. Justeru itu, kehadiran bulan mulia ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menjadi malas bekerja.

Kita masih ingat sejarah pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa peperangan juga berlaku pada bulan yang mulia ini. Para sahabat tetap berjuang menjadi tentera Allah. Jika menyelusuri konsep kerja dalam Islam, ia sebenarnya merupakan satu bentuk jihad iaitu jihad sosioekonomi.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Sesiapa yang

bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah." - Hadis riwayat Bukhari.

Bagi mendepani bulan puasa yang penuh dengan cabaran dan dugaan ini, seharusnya kita perlu lebih peka memahami keadaannya dan bagaimana kita dapat mengekalkan prestasi dan stamina. Seharusnya ibadah puasa perlu dilihat sebagai motivasi untuk lebih berusaha dan berjaya.

Kita selaku penjawat awam amat beruntung sekali di Negara Brunei Darussalam menjunjung tinggi titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menetapkan waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan

kerajaan sepanjang bulan Ramadan iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu ialah pada pukul 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam daripada waktu-waktu bekerja biasa, sementara penentuan memulakan kerja terserah kepada budi bicara kementerian dan jabatan masing-masing.

Pengurangan jam bekerja adalah bertujuan memberikan peluang kepada pekerja merehatkan fizikal dan minda agar dapat mengekalkan prestasi bagi sesi seterusnya. Ia juga membantu pekerja memulih dan menyegarkan kembali tenaga mereka. walaupun secara kebiasaan waktu rehat adalah sesi menjamu selera, namun di bulan mulia ini sewajarnya waktu rehat tersebut diisi ganti dengan zikir dan tahlil kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Datangnya bulan puasa diharapkan tidak mengganggu semangat kerja pegawai, malah menjadi motivasi untuk bekerja lebih baik lagi.

Dua orang pejabat awam ditemui iaitu Dayangku Lelly Surianiney binti Pengiran Haji Mohd. Tajudin dan Dayang Hajjah Shazana binti Sofian bersyukur menyanjung tinggi atas kelonggaran waktu bekerja yang ditetapkan semasa bulan Ramadan ini yang menjadikan bulan mulia ini titik tolak untuk lebih bersemangat dan proaktif dalam bekerja.

Semoga semua penjawat awam akan melihat Ramadan sebagai bulan *turning point* untuk kita lancarkan satu slogan atau syiar untuk menjadi Ramadan ini bulan penuh proaktif dalam bekerja, bergerak, beramal, belajar dan berprestasi.

Rencana dan foto :
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor

Fokus ibadah kerohanian di waktu tengah hari kita akan mengunjungi surau atau masjid berdekatan pejabat kita. Luangkan masa sebelum waktu Zohor untuk membaca Al-Qur'an, berzikir dan sebagainya. Suntikan semangat kepada kita untuk terus bekerja lebih bersungguh hingga pukul 2.00 petang. Kita gunakan ia sebagai *recharge* tenaga fizikal dan spiritual. Dengan kelonggaran waktu bekerja yang diperkenankan ini akan melatih kita untuk melakukan kerja dengan lebih pantas, cekap dan cermat dan mampu bekerja dengan efisien, proaktif, dinamik, bersungguh-sungguh dan berdaya tinggi dalam mengimarahkan bulan berkat ini dan menjadikan negara kita dikenali sebagai Negara Zikir.

Selaku penjawat awam tidak kira sama ada ketua ataupun orang bawah, mereka hendaklah sama-sama memikul tanggungjawab yang telah diberikan kerana agama Islam menuntut umatnya untuk memikul dan melaksanakan tanggungjawab itu yang juga merupakan suatu

amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagai firman-Nya dalam Surah Al Anfaal ayat 27 tafsir-Nya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diamanahkan kepada kamu, sedang kamu mengetahuinya."

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga warga Perkhidmatan Awam menjadi pekerja yang ikhlas, kreatif dan produktif, tabah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan dedikasi, tabah menghadapi cabaran, serta dapat pula membawa masyarakat semua ke arah satu cara hidup yang terpuji dan diberkati. Dan lebih penting lagi semoga semua menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman dan bertakwa. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala, mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.



"Berasa bersyukur" DAYANG Hajjah Shazana binti Sofian.



"SATU rahmat sebagai Negara zikir" Dayangku Lelly Surianiney binti Pengiran Haji Mohd. Tajudin.



DENGAN kelonggaran waktu bekerja yang diperkenankan ini akan melatih kita untuk melakukan kerja dengan lebih pantas, cekap dan cermat dan mampu bekerja dengan efisien, proaktif, dinamik dan bersungguh-sungguh.



TIBANYA bulan ramadan diharapkan tingkat semangat kerja para penjawat awam malah menjadi motivasi untuk bekerja lebih baik lagi.

Pencapaian cemerlang

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

ASEAN melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-46 (AMM) amat berharap untuk berjaya dalam menguruskan hubungannya bersama dengan dunia luar terutama sekali dalam usaha mencari pendekatan yang sama untuk semua bagi memberi kesan kepada rantau ini dan berharap untuk melihat lebih ke hadapan bagi kehidupan yang berjaya selepas 2015.

Melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-46 para menteri juga begitu berharap agar ASEAN akan lebih berkembang di dalam kemajuannya terutama untuk membantu rakyat kita sendiri dalam memahami dan menyokong ASEAN dan apa juga yang cuba untuk dicapai olehnya.

Selain itu AMM Ke-46 juga turut sama membincangkan tentang hubungan luar bagi mengukuhkan lagi komitmen kerja antara rakan ASEAN melalui pelbagai mekanisme ASEAN yang dipimpin, termasuk ASEAN Campur Satu, ASEAN Campur Tiga, Forum Serantau ASEAN (ARF), Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan Campur (ADMM-Plus) dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) dalam memastikan pemuliharaan keamanan, kestabilan keselamatan dan meningkatkan kemakmuran rantau ini.

Menyentuh sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semasa mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-46 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas bersabda menentang agenda utama mesyuarat iaitu apa yang para pemimpin ASEAN kehendaki untuk dilaksanakan semasa Sidang Kemuncak ASEAN April lalu dan mencari jalan untuk mengukuhkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Dari segi hubungan pula pada tahun lepas ASEAN telah mencapai hubungan baru bersama Eropah dan pada tahun ini, banyak pendekatan yang telah dicapai oleh Negara Amerika Latin dan ASEAN kini memasuki tempoh baru, dengan perkembangan minat dari pelbagai Negara, terdapat juga banyak minta antarabangsa dalam apa yang ASEAN lakukan.

Walau bagaimanapun masih banyak hal yang perlu ASEAN lakukan sebelum ianya benar-benar menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian manusia dan ini bermakna ASEAN mendapat satu cabaran tempatan

istimewa dalam membantu rakyat untuk memahami dan menyokong ASEAN dan apa yang cuba untuk dicapai.

Melalui AMM Ke-46 para Menteri Luar ASEAN juga turut melahirkan rasa puas hati mengenai kemajuan yang dicapai dalam hubungan ASEAN dengan rakan dialog Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, New Zealand, Republik Korea, Rusia dan Negara-negara bersatu Peace.

PELUANG

Selain itu, Menteri-Menteri Luar ASEAN juga mengguna pakai garis panduan bagi mengadakan sidang kemuncak peringatan dan aktiviti peringatan di antara ASEAN dan rakan dialog. Dalam mesyuarat kemuncak AMM juga turut membincangkan mengenai ASEAN-Australia, menentang tentang perkembangan dalam mengimplementasikan fasa program kerjasama pembangunan ASEAN-Australia II 2008-2015 dalam menyokong ASEAN mengenai dasar integrasi ekonomi dan keutamaan, selaras dengan Pelan Tindakan AEC.

Manakala perbincangan ASEAN-Kanada yang mengesahkan pelan kerja 2012-2015 untuk melaksanakan perniagaan ASEAN-Kanada pada 31 Ogos 2012 lalu tentang penubuhan penglibatan perniagaan ASEAN-Kanada dan meningkatkan kesedaran mengenai peluang perdagangan dan pelaburan di ASEAN dan Kanada.

Selain itu, Menteri-Menteri Luar ASEAN juga turut menentang tentang perkembangan aktiviti yang dianjurkan oleh ASEAN dan China iaitu tentang mengimplementasikan Pelan Tindakan 2010 untuk mengimplementasikan Deklarasi Bersama Rakan Kerja Strategik ASEAN-China untuk kesejahteraan dan Keamanan 2011-2015.

Turut disentuh dalam AMM mengenai ASEAN-Kesatuan Eropah mengenai kemajuan yang dibuat untuk melaksanakan Rancangan Bandar Seri Begawan sebagai tindakan untuk mengukuhkan ASEAN-EU dalam peningkatan perkongsian 2013-2017, yang bertujuan untuk memberi tumpuan yang lebih strategic kepada kerjasama serantau dalam pelbagai bidang.

Manakala didalam Kenyataan Bersama (Joint Communiqué) pada Sidang Kemuncak AMM Ke-46 antarlain perkara-perkara yang diketengahkan adalah seperti membina masyarakat yang berkekalan, komuniti keselamatan politik ASEAN, komuniti ekonomi ASEAN, komuniti sosio-budaya



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador At-Large pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-46.



PARA Menteri-Menteri Luar ASEAN ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

ASEAN, hubungan ASEAN, permohonan rasmi Timor Leste untuk menjadi ahli ASEAN, hubungan luar serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

Berhubung dengan pembinaan masyarakat yang berkekalan, Menteri-Menteri Luar ASEAN antara lain menekankan usaha untuk memastikan wujudnya masyarakat ASEAN yang bersepadu dari segi politik, ekonomi dan social menjelang 2015 dengan melaksanakan Piagam ASEAN dan Hala Tuju bagi suatu

Komuniti ASEAN.

Sementara di akhir permesyuaratan peringkat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-46, Persidangan bersama rakan-rakan dialog, Forum Serantau ASEAN dan Mesyuarat Ketiga Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Asia Timur baru-baru ini telah melahirkan dan membuahkan satu pencapaian yang amat cemerlang.

Ini turut dibuktikan di dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semasa diakhir permesyuaratan dengan menekankan mesyuarat-mesyuarat tersebut telah membuahkan hasil yang menggalakkan dalam bidang-bidang kerjasama politik, keselamatan, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dimana secara keseluruhan, para menteri ASEAN merasa gembira dengan apa yang telah dicapai setakat ini dan mereka merasakan bahawa platform yang telah disebutkan itu adalah lebih kukuh semasa mesyuarat dijalankan dengan mempunyai dua sebab, pertama selaku Menteri-Menteri Luar, gambaran yang lebih besar adalah lebih jelas terutama sejak penyataan bersama telah siap, dan kedua, gambaran yang lebih terperinci kini juga dinyatakan dari segi sasaran untuk tahun 2015.

Ini jelas membuktikan kepada kita semua di mana Mesyuarat seumpamanya bukan hanya sekadar mesyuarat para menteri Luar ASEAN bahkan ianya juga membuka peluang kerjasama dalam merapatkan lagi hubungan muhibbah selain mempertingkatkan usaha dalam memperkukuhkan kerjasama di bidang politik, keselamatan, sosial, ekonomi dan budaya.

Apa yang jelas semasa mesyuarat tersebut diadakan ialah tumpuan utamanya untuk mengukuhkan lagi komuniti ASEAN dengan memastikan kehidupan seharian masyarakat serantau untuk terus maju dan mampu menghadapi segala cabaran dunia moden.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersama para Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-46 bergambar ramai di saat berakhirnya mesyuarat AMM Ke-46, Pasca Persidangan Peringkat Menteri-Menteri Luar (PMC) ASEAN, Forum Serantau ASEAN Ke-20 (ARF) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-3 (EAS FMM) yang diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Rawatan dan pemeriksaan gigi : Adakah membatalkan puasa?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Mendapatkan khidmat pemeriksaan kesihatan gigi atau rawatan kerana kesakitan yang disebabkan gigi rosak atau berlubang tidak terkecuali turut berlaku semasa seseorang sedang menjalani ibadat puasa.

Rawatan tersebut setentunya akan melibatkan mulut dan kawasan sekitarnya seperti rongga mulut dan kerongkong. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada ia menjejaskan atau membatalkan puasa seseorang memandangkan salah satu perkara yang menjadikan puasa itu batal ialah memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga melalui lubang yang terbuka dengan senghaja.

Rongga Mulut

Rongga mulut itu terbahagi kepada had zahir dan had batin. Had zahir mulut itu ialah dari tempat keluar (*makhraj*) sebutan huruf ‘ح’ (*ha muhmalah*) hingga ke atas mulut termasuk makhraj huruf ‘ع’ (*ha mu’jamah*). Manakala had batin mulut itu ialah dari tempat keluar (*makhraj*) sebutan huruf ‘ء’ (*hamzah*) atau ‘هـ’ (*ha marbuthah*) hingga ke bawah (kerongkong).

Maka perkara yang dikatakan membatalkan puasa itu ialah apabila sampai sesuatu yang

dimasukkan ke dalam mulut sehingga ke had batin iaitu tempat keluar (*makhraj*) sebutan huruf ‘ء’ dan ‘هـ’.

Rawatan dan pemeriksaan pergigian semasa berpuasa

Hukum sah atau tidak sahnya puasa orang yang menjalani rawatan pergigian itu dilihat kepada beberapa keadaan seperti berikut :-

i - Jika rawatan dan pemeriksaan gigi itu hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin seperti yang telah dijelaskan, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

Sebagai contoh, darah atau air yang dimasukkan ke dalam had zahir mulut itu dikeluarkan atau disedut dengan sesuatu seperti suction (penyedut cecair iaitu alat untuk memindahkan cecair melalui satu tiub untuk dibuang).

ii - Jika rawatan dan pemeriksaan gigi itu melibatkan sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu menjadi batal.

Sebagai contoh, darah atau air yang dimasukkan ke dalam mulut itu ditelan (dengan senghaja) sehingga masuk ke had batin mulut adalah membatalkan puasa.

iii - Rawatan dan pemeriksaan gigi yang memerlukan suntikan pada gusi tidak membatalkan puasa kerana suntikan itu tidak

melalui dan tidak sampai kepada rongga yang terbuka walaupun terasa kesan suntikan itu pada kerongkong disebabkan ia menyerap masuk melalui liang pori atau isi gusi.

iv - Menelan air liur yang bersih dan tidak bercampur dengan najis atau benda asing tidak membatalkan puasa. Tetapi jika air liur itu bercampur dengan najis seperti darah atau benda asing yang suci, maka puasa menjadi batal.

Sebagai contoh, menelan air liur yang bercampur dengan darah daripada gusi dan mulut yang belum lagi dibersihkan tetap membatalkan puasa sekalipun air liur itu kembali memutih atau bersih seperti sebelumnya.

Begitu juga batal puasa jika menelan air liur yang berubah sifatnya disebabkan benda asing yang suci. Umpamanya, menelan air liur yang bercampur dengan logam yang digunakan untuk menampal gigi sekiranya logam tersebut menyebabkan air liur tersebut berubah sifat seperti berubah warna.

v - Jika seseorang berkumur-kumur kerana ada tujuan yang dibenarkan oleh syara’, umpamanya berkumur-kumur kerana hendak menghilangkan najis seperti darah yang ada di dalam mulut kesan dari rawatan yang dijalankan dan secara tidak senghaja air sampai ke dalam rongga had batin mulut, maka perkara itu tidaklah membatalkan puasanya.

vi - Tidak batal puasa sekiranya semasa rawatan, terdapat kesan darah atau lebihan logam yang digunakan untuk menampal gigi bercampur bersama air liur lalu masuk ke batin mulut tanpa disenghajakan dan sukar untuk diasingkan serta diludahkan kerana ia bukan dikira sebagai kecuai.

Jika seseorang itu menelannya dengan senghaja sedang dia mampu untuk memisahkannya dari air liur maka puasanya menjadi batal.

Jelasnya, rawatan atau pemeriksaan gigi seperti mencabut, menambal dan membersihkan gigi apabila dilakukan dengan mengikut dan mengambil kira syarat dan ketentuan sebagaimana yang dinyatakan di atas tidak membatalkan puasa kerana ia hanya melibatkan bahagian zahir rongga mulut sahaja.

Resolusi Majlis Majma’ Fiqh Islam yang dikeluarkan dalam persidangannya yang ke



sepuluh di Jeddah mengenai 'Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa Dalam Bidang Perubatan' menyebutkan bahawa tidak dianggap dalam perkara membatalkan puasa : mengorek, mencabut, membersihkan, memberus gigi atau bersiwak jika dapat dihindari dari tertelan apa yang mengalir ke dalam kerongkong.

Dari sudut yang lain pula, sekiranya rawatan dan pemeriksaan pergigian itu menurut doktor boleh memudaratkan orang yang berpuasa, maka dia dikategorikan sebagai orang yang sakit dan harus berbuka puasa, akan tetapi wajib dia mengqadha puasanya pada hari lain. Jika orang yang berpuasa itu dapat menahan kesakitannya atau kesakitan yang ringan dan tidak membawa kepada kesusahan, maka dalam hal ini tidak harus baginya berbuka puasa.

Sebagai langkah berjaga-jaga adalah disarankan supaya benda-benda yang terkumpul ketika menjalani pemeriksaan dan rawatan pergigian seperti air liur, kahak atau darah hendaklah sentiasa dibuang atau disedut dengan alat perubatan yang disediakan seperti *suction*.

Menjaga rongga-rongga anggota badan yang dikategorikan sebagai rongga terbuka daripada dimasuki oleh benda-benda yang membatalkan puasa adalah wajib. Oleh kerana itu, mendedahkan rongga-rongga tersebut kepada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa adalah makruh dan perlu dielakkan.

WALLAHU'ALAM

MENJAGA rongga-rongga anggota badan yang dikategorikan sebagai rongga terbuka daripada dimasuki oleh benda-benda yang membatalkan puasa adalah wajib. Oleh kerana itu, mendedahkan rongga-rongga tersebut kepada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa adalah makruh dan perlu dielakkan.

Ahlan Wasahlan Ya Ramadan



SETIAP umat Islam di seluruh dunia pasti akan merindui dan merasai ketibaan bulan yang penuh dengan barakah iaitu bulan Ramadan. Bermula sejak dari bulan Rejab sehingga Syaaban, ramai dalam kalangan umat Islam sudah pun mempersiapkan diri untuk menyambut kehadiran Ramadan al-Mubarak. Ada yang memperbanyakkan amalan dengan berpuasa sunat di kedua-dua bulan tersebut di samping amal ibadat yang lain untuk seterusnya menjadikan suatu dorongan buat diri sendiri untuk lebih memperbanyakkan amalan di bulan Ramadan.

Bulan Ramadan hadir dengan seribu satu pengertian. Ia hadir setiap tahun dengan pelbagai kelainan. Setiap bulan Ramadan, kenikmatannya pasti berbeza kerana Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Kaya dan anugerahNya tiada bandingannya. Namun terdapat sebilangan manusia mempunyai tanggapan dan persepsi serta perasaan yang berbeza apabila menjelang bulan Ramadan. Ada yang pertama sekali dalam fikiran mereka adalah 'lapar'. Ada juga apabila Ramadan tiba, apa yang paling difikirkan ialah 'penat' dan ada juga memikirkan 'bilakah Ramadhan ini akan berakhir?'. Golongan yang membuat fikiran ini tergolong dari orang-orang yang rugi dan tidak dapat keberkatan bulan Ramadan.

Namun bagi golongan yang benar-benar mengerti nilai kehambaan diri mereka kepada Allah Subhanahu Wata'ala, apa yang mereka fikirkan ialah “bagaimana untuk mencapai keredhaan dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala sempena berada di bulan Ramadan yang penuh dengan kerahmatan ini?”. Inilah satu kunci kejayaan orang-orang yang akan mendapat kelebihan di bulan Ramadan.

Bulan Ramadan adalah bulan yang mana nilai amal ibadat dilipat gandakan. Amalan puasa di

siang harinya sangat berkait rapat dengan kesabaran kerana ganjaran bagi orang yang bersabar tiada terhitung banyaknya. Pahala amalannya dilipat gandakan sebanyak-banyaknya tidak seperti amalan-amalan lain.

Amalan puasa bukan sahaja suatu amalan yang tersendiri di bulan itu, tetapi juga diiringi dengan amalan sembahyang sunat Tarawih setiap malam di bulan tersebut. Kenikmatan lebih berganda jika ibadah puasa disertai dengan sembahyang sunat Tarawih di malamnya kerana gandingan tersebut, di samping mendapat ganjaran yang berlipat ganda, boleh membina sebuah kitaran kehidupan yang penuh dengan santapan kerohanian.

Bahkan, anak-anak juga mudah dididik untuk menunaikan sembahyang sunat Tarawih serta berpuasa di bulan Ramadan sekadar kemampuan mereka. Kanak-kanak akan sentiasa ingin mengikut ayahnya pergi ke masjid untuk sembahyang sunat Tarawih kerana rakan-rakannya juga turut berada menunaikan sembahyang Tarawih di masjid tersebut. Begitu juga dengan puasa di siang hari, yang mana suasana masyarakat Islam yang sibuk berpuasa menyebabkan anak-anak juga rasa terpenggil untuk turut berpuasa bersama-sama seluruh umat

Islam, kerana antara tabiat seorang kanak-kanak itu sendiri adalah suka mengikut suasana itu sendiri dan mudah meniru apa yang dilakukan oleh orang dewasa.

Jadi rugi juga bagi ibu bapa yang tidak mengambil peluang sempena bulan Ramadan yang mulia ini untuk mentarbiah anak-anak mereka ke arah melakukan ketaatan dan amal ibadah, sedangkan suasana ibadah di bulan Ramadan itu sendiri boleh membantu memberi motivasi kepada kanak-kanak dalam ketaatan.

Walau bagaimanapun, masih ramai dari kalangan umat Islam itu sendiri tidak mempunyai hubungan rapat dengan bulan Ramadan. Mereka tidak menghayati kedatangan bulan tersebut dengan penghayatan yang tinggi, padahal bulan Ramadan hadir sebagai peluang baginya untuk memperbaiki dirinya dan hubungannya dengan Tuhannya. Antara faktor yang boleh menguatkkan ikatan hati kita dengan bulan Ramadan adalah niat kita, matlamat kita, tujuan kita, hajat kita yang kita inginkan sempena kehadiran bulan Ramadan.

Ada sebilangan orang bila datangnya Ramadan, hajatnya tidak lain melainkan untuk mendapatkan bulan Syawal, iaitu sambutan hari raya. Itulah orang yang paling rugi kerana tiada makna hari raya tersebut baginya kerana hari raya adalah hari kemenangan bagi orang-orang yang berpuasa penuh dan melakukan amal ibadah di bulan Ramadan.

Di bulan Ramadan ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala ingin mengampuni dosa-dosa para hambaNya. Oleh yang demikian, jika kita banyak bertaubat dan meminta ampun

kepadaNya, maka secara tidak langsung kehendak kita seiring dengan kehendakNya yang ingin mengampuni kita. Di situlah antara adab tertinggi kehambaan jika kita mengerti rahsia pengabdian diri kepadaNya.

Banyakkanlah juga membaca Al Qur'an dengan mengandakan bacaan kerana bulan Ramadan adalah satu peluang yang mana suasana beribadah itu sangat menjadi penyokong kepada seseorang muslim untuk terus melakukan ketaatan. Tidur seseorang yang berpuasa itu ibadah adalah ungkapan motivasi bagi seorang muslim yang sering disalah ertikan. Seharusnya yang kita fahami daripada ungkapan tersebut, tidur bagi seseorang yang berpuasa pun ibadah, apatah lagi melakukan ibadah itu sendiri. Maka ia adalah ibadah dalam ibadah.

Ia suatu yang tidak dapat dicapai melainkan hanya di bulan Ramadan. Oleh yang demikian, banyakkanlah melakukan amal ibadah terutamanya membaca al-Qur'an kerana ianya merupakan antara sunnah baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan banyak membaca al-Qur'an di bulan Ramadan jugalah, ikatan hati seseorang dengan bulan Ramadan akan bertambah kuat kerana bulan Ramadan itu sendiri adalah bulan al-Qur'an atau bulan turunnya al-Qur'an. Maka eratkanlah lagi hubungan kita dengan bulan Ramadan melalui bacaan dan hafalan al-Qur'an serta mendalami makna-maknanya. Barakah dan kunci kejayaan seseorang dalam bulan Ramadan ada pada kuatnya hubungannya dengan bulan Ramadan dalam rangka untuk meningkatkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'aala.

Berangkat ke Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-9

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan

(AP), ABDB, Perkhemahan Sungai Akar, di sini.

Kebangkitan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di hadapan Markas Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Leftenan Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa pasukan perbarisan terdiri daripada Kawalan Kehormatan Statik dan Sovereign's Parade terdiri daripada 14 Pegawai Kadet Lelaki dan 12 Pegawai Kadet Perempuan di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 884 Leftenan (Udara) Muhammad Isyakh bin Haji Ismail.

Juga menyertai perbarisan termasuk 26 bakal Pegawai Kadet yang masih menjalani latihan daripada pengambilan kesepuluh di sekolah berkenaan.

Upacara yang dilaksanakan mengikut tradisi ketenteraan itu disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat diikuti perbarisan mara ke hadapan.

Pada upacara ini, baginda juga berkenan mengurniakan titah dan mengurniakan anugerah-anugerah kepada pegawai kadet terbaik dalam setiap jurusan bagi pengambilan kesembilan sekolah ini.

Mendahului pengurniaan anugerah ialah Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada 21709 Pegawai Kadet Siti Syamimi binti Haji Emran yang berkelulusan MSc dalam Sains Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar dari Universiti Birmingham, United Kingdom (UK).

Anugerah Pedang Kehormatan merupakan anugerah penghormatan tertinggi bagi seorang Pegawai Kadet yang dikurniakan oleh Kebawah DYMM dan merupakan simbol tonggak kecemerlangan keseluruhan terbaik bagi Pegawai Kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi di dalam latihan asas ketenteraan, akademik, fizikal dan latihan fasa kedua dalam semua aspek keseluruhan.

Selepas ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera, beliau akan ditugaskan sebagai Penolong Pegawai Turus, Inspektorat Operasi, Unit Inspektorat, Kementerian Pertahanan.

Baginda juga berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada 50256 Pegawai Kadet, Awang Mohammad Adi Asmawi bin Awang Adanan yang berkelulusan Higher National Diploma (HND) dalam Pembangunan Sukan dan Kejurulatihan dari Universiti Institut Wales, Cardiff.

Anugerah yang dikurniakan ini

berdasarkan kepada kejayaannya mendapat keputusan tertinggi bagi keseluruhan pelajaran akademik, manakala penilaian anugerah ini juga berdasarkan kepada keputusan keseluruhan akademik yang progresif dalam sepanjang latihan kursus diadakan.

Selepas ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera, beliau akan ditugaskan sebagai Ketua Platoon 7, Kompeni 'C', Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Sementara Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera pula diterima oleh 50246 Pegawai Kadet (Udara) Awang Muhammad Hifdzullah bin Haji Mat Yamin yang berkelulusan Ijazah dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Universiti Manchester, UK.

Anugerah yang dikurniakan ini berdasarkan kepada kejayaannya mendapat keputusan cemerlang dalam semua mata pelajaran Kemahiran Tentera, sementara penilaian anugerah ini juga berdasarkan peratus kumulatif yang tertinggi pada semua mata pelajaran Kemahiran Tentera.

Selepas ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera, beliau akan ditempatkan sebagai Pegawai Kejuruteraan Skuadron 65, Cawangan Latihan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Manakala penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani dikurniakan kepada 21714 Pegawai Kadet (Laut) Nurul Hairani binti Abdul Hamid yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan Fizikal dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Anugerah yang beliau terima ini merupakan satu pengiktirafan berdasarkan pencapaian terbaik Pegawai Kadet dari segi pencapaian latihan jasmani yang cemerlang dalam sepanjang tempoh latihan dijalankan.

Beliau akan ditugaskan sebagai Pegawai Dalam Latihan di KDB Darulhehsan, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Upacara diteruskan dengan tiga kali laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' daripada pasukan perbarisan diikuti bacaan doa selamat oleh Penolong Ketua, Jabatan Agama, ABDB, 761 Kapten Ariffin bin Amit.

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Mes Pegawai bagi

Majlis Santap Ringan diikuti dengan Majlis Junjung Ziarah daripada pegawai-pegawai kadet yang baru ditauliahkan berserta keluarga serta berkenan menerima pesambah 'Qiyadul Faizin' dari Pegawai-Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan.

Pesambah itu dalam perkataan Arab bermaksud 'Pemimpin Yang Berjaya' yang merupakan sebuah anak panah yang menjadi senjata sejak zaman sahabat lagi dan juga memfokuskan busur panah dan mata anak panah yang memerlukan tahap konsentrasi dan kemahiran yang tinggi yang menguji setiap pemanah-pemanah.

Sementara Pemegang dan rumah anak panah yang terletak di tengah-tengah menunjukkan transformasi yang ditonjolkan oleh setiap pegawai kadet untuk menjadi seorang yang profesional, manakala kedudukan tali anak panah yang elastik pula menunjukkan semangat juang dan kecekapan pegawai-pegawai kadet dalam mencapai apa jua matlamat ABDB.

Baginda juga berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan Buku Perjalanan Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan serta berkenan menerima junjung ziarah daripada jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai Sekolah Pegawai Kadet termasuk beberapa pegawai tentera dari negara-negara sahabat sebelum dijunjung bagi sesi gambar ramai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima Tabik Hormat Diraja. Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Leftenan Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalam Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada 50256 Pegawai Kadet, Awang Mohammad Adi Asmawi bin Awang Adanan yang berkelulusan Higher National Diploma (HND) dalam Pembangunan Sukan dan Kejurulatihan dari Universiti Institut Wales, Cardiff.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar kenangan bersama pegawai-pegawai kadet yang telah ditauliahkan menjadi pegawai tentera ABDB.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah (atas) dan berkenan memeriksa pasukan perbarisan terdiri daripada Kawalan Kehormatan Statik dan Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan (kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera kepada 50246 Pegawai Kadet (Udara) Awang Muhammad Hifdzullah bin Haji Mat Yamin yang berkelulusan Ijazah dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Universiti Manchester, United Kingdom (Kiri) dan Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani kepada 21714 Pegawai Kadet (Laut) Nurul Hairani binti Abdul Hamid yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan Fizikal dari Universiti Brunei Darussalam (kanan).

BAGINDA berkenan beramah mesra bersama seorang Pegawai Kadet yang ditauliahkan bersama ibu bapa yang sama-sama hadir menyaksikan kejayaan anak mereka dan memeriahkan suasana majlis (kiri).



PEGAWAI-PEGAWAI Kadet Pengambilan Kesembilan menadah tangan ketika doa selamat dibacakan sempena dengan Upacara Sovereign Parade yang berlangsung di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet Akademik Pertahanan ABDB, Perkhemahan Sungai Akar.



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 10 JULAI 2013. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 24 JULAI 2013. BILANGAN IKLAN:25/07/13 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kemasian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
DOKUMEN TAWARAN :**

**TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30
PETANG, HARI SELASA, 9 JULAI 2013.**

TARIKH TUTUP TAWARAN :

**TIDAK LEWAT DARI JAM
2.00 PETANG,
HARI SELASA, 16 JULAI 2013**

BIL : JKR/DOR/SRM 27/2013

NAMA PROJEK :

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN
RAYA DI TAPAK PERINDUSTRIAN
SERASA**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIGA PULUH RINGGIT SAHAJA &
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN: NIL**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS IV & V SAHAJA
KATEGORI : (KA01 & B01 SAHAJA) -
(KOD BARU)**

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN : 3 JULAI 2013**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :**

**TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00
TENGAH HARI, HARI SELASA,
23 JULAI 2013.**

TARIKH TUTUP TAWARAN :

**TIDAK LEWAT DARI JAM
2.00 PETANG,
HARI SELASA, 30 JULAI 2013**

BIL : JKR/DOR/SRM 28/2013

NAMA PROJEK :

**REVITALISASI KAWASAN PUSAT
PERDAGANGAN, BSB (PAKEJ 1 :
MEROBOH STRUKTUR YANG SEDIA
ADA, ZON A)**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00
(LIMA PULUH RINGGIT SAHAJA &
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN: NIL**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS IV & V SAHAJA
KATEGORI : (KA01 & B01 SAHAJA) -
(KOD BARU)**

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN : 3 JULAI 2013**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :**

**TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00
TENGAH HARI, HARI SELASA,
23 JULAI 2013.**

TARIKH TUTUP TAWARAN :

**TIDAK LEWAT DARI JAM
2.00 PETANG,
HARI SELASA, 30 JULAI 2013**

BIL : JKR/DOR/SRM 29/2013

NAMA PROJEK :

**REVITALISASI KAWASAN PUSAT
PERDAGANGAN, BSB (PAKEJ 2 :
MEROBOH STRUKTUR YANG SEDIA
ADA, ZON B)**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00
(LIMA PULUH RINGGIT SAHAJA &
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN: NIL**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS 'DES APPROVED LIFT
CONTRACTOR' DI BAWAH
KATEGORI KPME02 (5k) SAHAJA**

**Tarikh Akhir mengambil Dokumen
Tawaran pada: 16 Julai 2013 (Selasa)**

**Tarikh Tutup :
30 Julai 2013 (Selasa)
hingga jam 2.00 petang**

BIL : JKR/DME/26/BPB/2013

NAMA PROJEK :

**MAINTENANCE OF 6 NOS,
"SCHINDLER" LIFT AT MABOHAI
APARTMENT, KG MABOHAI BANDAR
SERI BEGAWAN FOR A PERIOD OF
THIRTY-SIX (36) MONTHS -
(DIRECT CONTRACT)**

NO. PROJEK : -

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS II, III & IV, DI BAWAH
KATEGORI KA01 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
16 JULAI 2013 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :
30 JULAI 2013 (SELASA)
hingga jam 2.00 petang**

BIL : JKR/DTS/11/BKT/2013-T/III

NAMA PROJEK :

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
TANAH SUSUR DI FLAT
PENEMPATAN SEMENTARA
KG. BELIMBING**

NO. PROJEK :

(235/12)JKR/BKT-KB/BM1189

**JUMLAH YURAN TAWARAN dan
YURAN e-DOKUMEN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasuk-
kan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga
Tawaran Kecil, Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan, Berakas
BB3510, Negara Brunei Darussalam
(kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan
dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat
daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan
tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan
menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa
menyatakan nama penawar dan di hantar
kepada alamat yang dinyatakan dalam
dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah di-
lihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian
Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang
Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Ja-
batan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan
tawaran yang dimulai dengan huruf
("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan di-
perolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya,
Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan
kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya
atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan
dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran
dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki
membawa sijil pendaftaran kontraktor dan
pembekal yang menunjukkan bahawa
pemborong adalah yang berdaftar di
Kementerian Pembangunan dalam kelas yang
ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran
tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dengan menggunakan borang-borang tawaran
yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak
akan semestinya menerima tawaran-tawaran
yang terendah atau lain-lain tawaran.



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 284 TAHUN 1999

**THE HONGKONG & SHANGHAI
BANKING CORP. LTD.**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

HAJI HAMDANI BIN HAJI MD. DAUD

(BYIC NO. 00-071236)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang
berikut pada 16 Jun 2012 telah dibatalkan pada
25 Mei 2013.

Nama Penghutang :

HAJI HAMDANI BIN HAJI MD. DAUD

Alamat Penghutang:
No. 6, Simpang 215 (B),
Kampung Pintu Malim,
Jalan Kota Batu BA2711
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh : 18 Jun 2013

KEBANKRAPAN NO. 394 TAHUN 2009

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**HAJAH ROSMAH BINTI HAJI PAKAR
(BYIC NO. 00-114686)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang
berikut pada 16 Jun 2012 telah dibatalkan pada
9 Mei 2013.

Nama Penghutang :

HAJAH ROSMAH BINTI HAJI PAKAR

Alamat Penghutang:

**No. 229, Kampung Perpindahan Terujing,
Jalan Terunjing Baru BB1514
Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh : 18 Jun 2013



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
T/LA/09/2013**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ZAINAL BIN YUSOF/ MD. YUSOF** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD AZMAN BIN HAJI ZAINAL** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH TUTONG** pada **20 JULAI 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 JULAI 2013

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
T/LA/21/2013**

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH ROSNANI BINTI HAJI SALLEH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AJJIAH BINTI HAJI MD. SALLEH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH TUTONG** pada **20 JULAI 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 JULAI 2013

**LAILATUL ZUBAIDAH HJ MOHD. HUSSAIN
Timbalan Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**Bilangan Sebut Harga :
ATELS/2013/SH-07**

Nama Sebut Harga:

**'THE SUPPLY OF PORTABLE
VHF/AM TRANSCEIVER FOR
DEPARTMENT OF CIVIL
AVIATION'**

Tarikh Tutup: 23 Julai 2013 (Rabu)

jam 12.00 Tengah Hari

**Yuran Tawaran: B\$5.00
(tidak dikembalikan)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei.

2. Sebut harga hendaklah dihantar ke **Peti Sebut Harga di luar Ibu Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat Dua, Bangunan Terminal Penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**, di dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan

Nama Sebut Harga:

Bilangan Sebut Harga:

Tarikh Tutup:

Kepada:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga,
d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2,
Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Perhubungan,**

**Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam**

3. Sebut harga-sebut harga hendaklah sampai kepada **Peti Sebut Harga** tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari, hari Rabu, 24 Julai 2013. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Bandar Seri Begawan BB2513, Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Telephone : 2330142 ext. 1010

Fax : 2333666

6. Salinan Sijil Pendaftaran dan salinan keterangan Bank pemborong/syarikat (Nama Bank, Branch dan Account) hendaklah disertakan bersama.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :
JPB/UK/KHAS2013**

**TAJUK TAWARAN : TAWARAN BAGI
MEMBEKAL LIMA (5) BUAH
KENDERAAN BAGI JABATAN
PENERANGAN**

**YURAN TAWARAN : B\$10.00
(SETIAP SATU)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. SYARIKAT-SYARIKAT pembekal-pembekal kereta yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk membekalkan lima (50 buah kenderaan bagi kegunaan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

2. Tawaran tersebut diatas hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari hari Selasa, 16 Julai 2013 dan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup (sealed) yang dinyatakan bilangan dan tajuk tawaran berkenaan dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

4. Pemborong hendaklah terlebih dahulu membaca, memahami dan meneliti kesemua

kandungan di dalam **Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal** serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP dan TERATUR**. Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.

5. Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran Yuran Tawaran (Dokumen Fee) berjumlah **\$10.00 (tidak dikembalikan)/non-refundable)** dibuat di Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja sahaja iaitu;

ISNIN HINGGA KHAMIS DAN SABTU

8.30 pagi - 11.30 pagi

2.00 petang - 3.00 petang

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran sebutharga yang telah disediakan.

8. Tawaran sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**BIL. TAWARAN :
(1) JBS/ TDR/BPE/UP/52/2013**

Tawaran-tawaran diterima oleh :
Pengerusi,

**Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Tingkat 1, (Ruang Masuk
/ Penyambut Tetamu),
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA1211
Negara Brunei Darussalam**

Tajuk:

**JBS/ TDR/BPE/UP/52/20138/2013
DESIGN AND PROPOSED OF
OUTDOOR FITNESS AT ROUND
HASSANAL BOLKIAH NATIONAL**

**SPORT COMPLEX AREA NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

Cagaran :

**\$100.00 (untuk setiap tender dokumen -
tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup Tawaran :
23 Julai 2013 (Selasa)**

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh di perolehi dari (Unit Pemeliharaan, Kompleks Sukan Tennis, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah). Manakala bayaran yuran tawaran bolehlah dijelaskan di Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi pada setiap hari bekerja, sementara hari Sabtu dari jam 9.00 pagi hingga 10.30 pagi.



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DI BUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh Buka Tawaran pada : 2 Julai 2013 (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada : 16 Julai 2013 (Selasa)
Sebelum Jam : 2.00 petang**

**(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)**

JASTRE/BL/T015/2013

**TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DUA (2) BUAH KENDERAAN JENIS LORI
TANGKI AIR PENYIRAMAN TANAMAN BERSERTA PAM AIR UNTUK**

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI.

NO. PROJEK : JASTRE/BL/T015/2013

JUMLAH YURAN TAWARAN : B\$ 30.00 (Non Refundable)


**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI
BANDAR SERI BEGAWAN**
KEBANKRAPAN NO. 30 TAHUN 2011

HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
**HAJI MOHD. HARDI BIN HAJI
MATASSIM**
(BYIC No. 00-288645)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang
berikut pada 24 September 2011 **telah
dibatalkan pada 30 Mei 2013.**

Nama Penghutang :
HAJI MOHD. HARDI BIN HAJI
MATASSIM
Alamat Penghutang:
No. 11, Simpang 342-43
STKRJ Kampung Tungku Gadong
Negara Brunei Darussalam
Bertarikh : 18 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 239
TAHUN 2009**

**UNITED OVERSEAS BANK
LIMITED**
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
LIM CHIN TING
(BYIC NO. 00-051454)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang
berikut pada 7 November 2009 **telah
dibatalkan pada 30 Mei 2013.**

Nama Penghutang :
LIM CHIN TING
Alamat Penghutang:
No. 11, Simpang 69-57
Kampung Kiarong BE1318
Negara Brunei Darussalam
Bertarikh : 18 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 198
TAHUN 2004**

HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
ZULIZAN BIN HAJI AWG. BESAR
(ABDB NO. 257573)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang
berikut pada 7 April 2005 **telah dibatalkan
pada 28 Mac 2013.**

Nama Penghutang :
ZULIZAN BIN HAJI AWG. BESAR
Alamat Penghutang :
No. 9, Simpang 393-93-164
Kampung Jerudong
Jerudong BG3122
Negara Brunei Darussalam
Bertarikh : 12 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 730
TAHUN 2009**

RHB BANK BERHAD
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
**HAJAH HAIRATI BINTI DATO
PADUKA HAJI MUHAMMAD**
(Meninggal)
(BYIC NO.00-079119)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang
berikut pada 26 Mac 2011 **telah dibatalkan
pada 25 Mei 2013.**

Nama Penghutang :
HAJAH HAIRATI BINTI DATO
PADUKA HAJI MUHAMMAD
Alamat Penghutang:
c/o Bitex Sdn. Bhd.
Unit 6, 2nd Floor, Blok A, Bangunan Desa
Delima
Simpang 44, Kampung Pancha Delima,
Jalan Muara,
Negara Brunei Darussalam
Bertarikh : 12 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 236
TAHUN 2009**

BAIDURI BANK BERHAD
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
HAJI ZUL FAKHARI BIN MUKSIN
**(K.P. BRUNEI NO. 00-284817 -
KUNING)**
... Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH
PENERIMAAN DAN NOTIS
PELEPASAN / PEMBATALAN
PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila ambil perhatian:
a. Bahawa **Perintah Penerimaan dan
Perintah Penghukuman** yang dibuat
terhadap Penghutang telah **dilepaskan /
dibatalkan pada 25 Mei 2013.**

Nama Penghutang:
Haji Zul Fakhari bin Muksin
No.73, Simpang 247, Kampung Subok
Bandar Seri Begawan BD2717
Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh: 12 Jun 2013

KEBANKRAPAN NO. 34 TAHUN 2012

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
V s
BADARIAH BINTI HAJI IBRAHIM
**(Kad Pengenal Brunei No. 00-120808
- KUNING)**
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat
terhadap Penghutang yang berikut pada
27 April 2013.

Nama dan alamat Bankrap :
Badariah binti Haji Ibrahim
No. 608 'A', Kampung Rataie,
Pekan Temburong PE2751
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan:
20 Februari 2013
Bertarikh: 12 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 109
TAHUN 2012**

FARIDAH BINTI HAJI SAMAIL
**(Kad Pengenal Brunei No. 00-259499
- Kuning)**
... Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat
terhadap Penghutang yang berikut pada
27 April 2013.

Nama dan alamat Bankrap:
Faridah binti Haji Samail
No.27, Simpang 162-48-13
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan : 29 Januari 2013
Bertarikh : 12 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 189
TAHUN 2010**

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
**MOHD. TEJUDIN BIN HAJI ABD.
LATIF**
**(Kad Pengenal Brunei No. 00-060237
- Kuning)**
.. Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat
terhadap Penghutang yang berikut pada
27 April 2013.

Nama dan alamat Bankrap :
Mohd. Tejudin bin Haji Abd. Latif
No.8, Simpang 74-59-108-37-17
Kampung Katok 'B', Jalan Mata-Mata,
Gadong BE2319
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 19 Januari 2013
Bertarikh : 12 Jun 2013.

**KEBANKRAPAN NO.194
TAHUN 2008**

BAIDURI BANK BERHAD
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
SITI HAMDIAH BINTI HAJI TUAH
**(Kad Pengenal Brunei No. 00-123183
- Kuning)**
... Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat
terhadap Penghutang yang berikut pada
4 Mei 2013.

Nama dan alamat Bankrap :
Siti Hamdiah binti Haji Tuah
No.12, Simpang 238,
Kampung Mulaut BG2121
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 6 Februari 2012
Bertarikh: 22 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 270
TAHUN 2004**

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
..Pemiutang / Pemetisyen
Vs
**HAJI MOHD. ASNAWI BIN AWG.
HAJI ABD. HALIM**
**(Kad Pengenal Brunei No. 00-037201
- Kuning)**

... Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat
terhadap Penghutang yang berikut pada
11 Mei 2013.
Nama dan alamat Bankrap :
Haji Mohd. Asnawi bin Awg. Haji Abd.
Halim
No.1, Simpang 100-27-18,
Jalan Tungku Link
Kampung Pengkalan Gadong BE2919
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 5 Februari 2013
Bertarikh : 22 Jun 2013.

**KEBANKRAPAN NO. 489
TAHUN 2009**

BAIDURI BANK BERHAD
..Pemiutang / Pemetisyen
Vs
LIEW CHOON CHING
**(Kad Pengenal Brunei No. 30-101792
- Ungu)**
.. Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat
terhadap Penghutang yang berikut pada
27 April 2013.

Nama dan alamat Bankrap :
Liew Choon Ching
No.15, Kampung Tenajor, Labi Ulu Belait
Kuala Belait KA1937
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 26 Januari 2013
Bertarikh : 12 Jun 2013.

**KEBANKRAPAN NO. 706
TAHUN 2010**

BAIDURI BANK BERHAD
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
ANDY TAN HOE HIN
**(Kad Pengenal Brunei No. 30-105624
- Ungu)**
... Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat
terhadap Penghutang yang berikut pada **23
Mac 2013.**

Nama dan alamat Bankrap :
Andy Tan Hoe Hin
No.7, Simpang 287-17-57
Jalan Subok, Kota Batu BD2717
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 12 November 2013
Bertarikh : 12 Jun 2013.


PESANAN DARI AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

HINDARI PELABURAN YANG BERUNSURKAN SKIM CEPAT KAYA

PASTIKAN AWDA HANYA MELABUR DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG DILESENKAN OLEH AMBD

ANTARA CIRI-CIRI SKIM CEPAT KAYA:

- **Menjanjikan pulangan yang tinggi** (melebihi kadar pulangan yang lazimnya diberikan oleh institusi-institusi kewangan yang berlesen dalam jangka masa yang pendek disamping insentif-insentif yang menarik.
- Lazimnya **tidak disokong dengan dokumen.**
- **Tatacara urusaniaga yang tidak jelas atau mencurigakan** seperti menjadikan orang yang berpengaruh sebagai testimony bag meyakinkan orang ramai untuk menyertai skim mereka.
- **Mungkin berdaftar dengan Pendaftar Nama-Nama Perniagaan dan Syarikat-Syarikat untuk menggambarkan perniagaan yang sah.** Sijil Pendaftaran tidak member kuasa untuk melakukan aktiviti aktiviti perniagaan berkaitan dengan kewangan. Aktiviti-Aktiviti perniagaan berunsurkan kewangan mestilah mempunyai lesen dari AMBD.

Sila hubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau melalui e-mel c
file@ambd.gov.bn bagi sebarang pertanyaan atau maklumat



Warga emas terima sumbangan peralatan sukan



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman ketika menggunakan salah satu peralatan sukan yang disumbangkan.

LAMBAK KANAN, Sabtu, 6 Julai. - Pusat Kegiatan Warga Emas, Jalan 77, Skim Perumahan Negara Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' menerima sumbangan peralatan sukan bagi kegunaan warga emas menjalankan kegiatan riadah dan aktiviti.

Syarikat Fitness Zone menyum-

bangkan peralatan tersebut yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Chun Goh kepada Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Sumbangan tersebut menunjukkan keprihatinan pelbagai pihak dalam

usaha untuk mewujudkan warga emas yang aktif dan sihat dalam mereka meniti usia tua, di samping menggalakkan mereka untuk sentiasa menjaga kesihatan.

Secara langsung kegiatan seumpama ini menjurus ke arah usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menggalakkan kehidupan aktif dalam kalangan warga emas terus mendapat sambutan daripada pelbagai pihak termasuk pihak swasta.

Turut menyumbangkan peralatan sukan tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Antara peralatan sukan yang diterima oleh Pusat Kegiatan Warga Emas tersebut ialah mesin treadmills, 'Reebok stability ball', 'Reebok exercise floor mat' dan Alat Pembakar Lemak Tanita.

Sementara itu, definisi warga emas ialah mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang bergelar warga emas di negara ini menerima pemberian pencen umur tua sebanyak BND250.00 sebulan.

Jumlah penerima pencen umur tua di negara ini menurut catatan sehingga Jun 2013 seramai 24,981 orang.

Berita dan Foto :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, merasmikan bilik fitness di Pusat Kegiatan Warga Emas, Jalan 77, Skim Perumahan Negara Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

Pilih atlet negara sertai sukan lawan pedang

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin



SALAH seorang penuntut ketika menjalani ujian pada Program Mengenal Pasti Bakat (TID) Spesifik Sukan Lawan Pedang.

TUTONG, Sabtu, 6 Julai. - Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan (UKPS) menganjurkan Program Mengenal Pasti Bakat (TID) Spesifik Sukan Lawan Pedang sebagai persiapan atlet-atlet menyertai Sukan SEA 2019 yang akan diadakan di negara ini.

Di daerah ini, seramai 30 penuntut dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah dan Sekolah Menengah Sayyidina Othman telah menyertai Program berkenaan di Kompleks Sukan Tutong di sini.

Sebelum mengadakan, UKPS telah mengadakan jerayawara di dua buah sekolah tersebut bagi memperkenalkan sukan lawan pedang kepada penuntut-penuntut dan mereka yang berminat untuk

mengikuti ujian TID Spesifik Lawan Pedang yang ditetapkan.

Penyelaras program tersebut, Awang Omar Ali bin Haji Ibrahim ketika ditemui berkata ujian setengah hari itu akan mengumpul data-data yang diperolehi dan menganalisis di mana kelebihan penuntut masing-masing. Data-data itu akan diberikan markah dan seterusnya memilih penuntut yang mempunyai potensi dan fizikal yang sesuai untuk sukan lawan pedang.

Tiga komponen akan diuji pada program itu iaitu komponen pertama menyukat ketinggian, berat badan dan depa tangan; komponen kedua menguji kecerdasan sementara komponen ketiga menguji kemahiran.

Frenz Malaysia B menang 3-0 menentang NFABD

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BAMDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Julai. - Peluang pasukan NFABD Bawah 15 tahun untuk mengutip mata penuh dalam Kejohanan Bola Sepak Piala FAM Frenz ASEAN 2013 di tempat sendiri malap apabila tumpas kepada pasukan Frenz Malaysia B di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pasukan negara tumpas dengan jaringan 3-0 sekali gus menamatkan perlawanan di tempat sendiri dan hanya menantikan empat lagi perlawanan yang kesemuanya di gelanggang luar.

Pasukan tuan rumah yang cetek dengan pengalaman sekurang-kurangnya mampu mengekang pasukan pelawat dari serangan

bertubi-tubi sambil mampu mengikat kedudukan tanpa jaringan sehingga selesai separuh masa pertama.

Tampanan Md. Hamizan pada minit ke-24 berjaya mengekang kemaraan pasukan Frenz Malaysia B selepas sepakan kencang Aiman Hatith Fariz yang benar-benar terbentang luas dapat dipatahkan.

Pasukan NFABD Bawah 15 Tahun, yang sepatutnya memanfaatkan peluang terakhir mereka beraksi di tempat sendiri cuma beberapa ketika berjaya menembusi pertahanan lawan walaupun cubaan tersebut kurang menggerunkan terutama percubaan yang dilakukan

oleh Md. Syahmi.

Pasukan pelawat mencuri tumpuan apabila membolosi gawang tuan rumah enam minit selepas separuh masa kedua bermula hasil jaringan Md. Ruzaimi Rosli.

Pasukan Frenz Malaysia B terus memberi tekanan apabila sepakan luar petak D, Wan Md. Ali berjaya membocori gawang pasukan NFABD Bawah 15 Tahun buat kali kedua selepas sepakan percuma tersebut melantun masuk selepas terkena palang gol.

Pasukan Frenz Malaysia B melengkapkan gol ketiganya hasil tandukan Md. Alfeeq pada minit ke-94 sekali gus menutup tirai perlawanan malam itu.

Menurut Pengurus Pasukan NFABD Bawah 15 Tahun, Awang Jamhari Lani antara faktor kekalahan pasukan tuan rumah adalah disebabkan oleh kecederaan sebilangan pemain selain mempunyai kelemahan dari bahagian serangan pemain tengah dan pertahanan.

Sebagai usaha katanya, pihak pengurusan akan cuba sedaya upaya memperbaiki kekurangan tersebut dalam meneruskan cabaran kejohanan ini terutamanya bermain di gelanggang luar.



MD. Syahmi cuba di kekang tiga pemain Malaysia dari melakukan serangan.

Pameran Go-Kart tarik minat belia

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Julai. - Ke arah membarigakan sukan Go-Kart di negara ini, Persatuan Go-Kart Brunei Darussalam buat



julung kalinya mengadakan Pameran Go-Kart, bertempat di ruang legar The Mall, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian pameran berkenaan ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyaksikan pameran Go-Kart selama seminggu bermula 3 Julai daripada pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam di ruang legar The Mall.

AWANG Noor Effendy Metussin ketika memberikan sedikit penerangan kepada wakil **PELITA BRUNEI** mengenai dengan pameran go kart yang diadakan kali pertama di The Mall, Gadong.

TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman meninjau pameran dan peralatan go kart yang dianjurkan oleh Persatuan Go Kart Brunei Darussalam yang diadakan di Atrium, The Mall, Gadong.

Sementara itu, Presiden Persatuan Go-Kart Brunei Darussalam, Awang Noor Effendy bin Metusin dalam temu bual dengan wakil **PELITA BRUNEI** antara lain menjelaskan, pameran itu bertujuan menarik minat golongan belia tentang sukan Go-Kart yang begitu popular di negara lain.

Beliau menjelaskan, di samping itu ia juga bagi meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai sukan Go-Kart yang dianggap selamat bagi para pengemarnya.

Pada setakat ini, katanya, persatuan tersebut mempunyai seramai 78 ahli terdiri daripada pelbagai peringkat umur dengan ahli yang termuda menyertai sukan lasak tersebut berumur 12 tahun.



Al-Idrus Junior juara Kejohanan NFABD-TelBru

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI NEGAWAN, Rabu, 3 Julai. - Pasukan Al-Idrus Junior merangkul sebagai juara di Kejohanan Bolasepak Kebangsaan 2013 NFABD-TelBru Brunei yang diadakan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas selepas menumpaskan pasukan Akademi Muara Vella dalam perlawanan akhir yang dramatik dengan jaringan 3-2 yang berakhir pada masa tambahan.

Sekalipun beberapa pemain dari kedua-dua pasukan ini masih lagi menjadi satu pasukan mewakili negara bagi pasukan NFABD bawah 15 tahun di Kejohanan FAM-Frenz namun pada peringkat akhir ini kawan tetap menjadi lawan.

Akademi Muara Vella yang merupakan juara dalam Kumpulan A sekali gus mencatatkan kesempurnaan dalam kesemua perlawanan sebelumnya merangkai serangan terutama pada babak awal separuh masa pertama, tetapi gagal membuat serangan.

Sebaliknya pasukan Al-Idrus Junior yang bermain perlahan secara senyap-senyap mengatur strategi baru tanpa mengikut rentak pasukan lawan sehingga sepuluh minit masa terakhir permainan lebih banyak mereka kuasai.

Akademi Muara Vella mendahului perlawanan apabila Md. Asnawi Syazni berjaya menjaringkan gol menerusi tandukan dari dalam Petak D pada

minit ke-39 dari serangan yang tidak disangka-sangka.

Pasukan Al-Idrus Junior yang juga juara dalam Kumpulan B tidak mahu mencalarakan rekod mereka apabila berjaya menyamakan kedudukan selepas Haji Md. Zainol Ariffin berjaya menanduk hantaran Md. Asri pada minit ke-49.

Pasukan Al-Idrus Junior sebaliknya mendahului kedudukan 2-1 selepas Kane Moran berjaya menanduk masuk hantaran Md. Asri pada minit ke-77.

Pasukan Akademi Muara Vella berjaya mengheret perlawanan hingga masa tambahan selepas Suhaimi anak Sulau berjaya menyamakan kedudukan dengan jaringan yang dilakukannya pada minit 82 untuk menjadikan kedudukan 2-2.

Akhirnya, Md. Asri membawa tuah kepada pasukan Al-Idrus Junior apabila menjaringkan gol ke-3 pasukannya yang awalnya berpunca dari kesilapan penjaga gol Akademi Muara Vella, Md. Burhanuddin pada minit akhir ke-100.

Piala kejohanan disampaikan oleh Ketua Pegawai Pemasaran, TelBru, Brunei, Lim Ming Soon.

Juara menerima piala iringan, piala rebutan, medal dan wang berjumlah BND2,500.00.

Pemain Terbaik dan Penjaring Terbanyak dirangkul oleh Md. Asri bin Haji Aspar dari pasukan Al-Idrus Junior.

ASEAN Schools Games Ke-6 di Republik Filipina



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Ke-5 dalam sesi bergambar ramai.

Berita dan Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

HANOI, VIET NAM, 29 Jun, Sabtu. - Tirai Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Kali Ke-5 (5th ASEAN Schools Games) tahun ini berakhir dengan Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan yang berlangsung di Hanoi Indoor Athletics Palace.

Acara kemuncak majlis ialah penyerahan bendera rasmi ASEAN Schools Games kepada Republik Filipina, selaku pengendali kejohanan sukan tersebut tahun 2014.

Bendera diserahkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan Latihan, Viet Nam, Profesor Madya, Dr. Tran Quang Quy, selaku Pengerusi Komiti Penyelaras Kejohanan tahun ini, kepada Pengerusi Majlis Sukan ASEAN, Tuan Hawazi Daipi yang seterusnya menyerahkannya kepada Chef de Mission Republik Filipina.

Majlis penutupan rasmi turut diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan yang dipersembahkan oleh para pelajar dan mahasiswa dan mahasiswa Viet Nam.

Terdahulu dari itu, semua Chef de Mission, para pegawai dan atlet negara diraikan dalam Majlis Makan Malam Gala di Hanoi Elite Sports Training Centre yang diberikan oleh Dr. Tran Quang Quy.

Pada kejohanan tahun ini, Negara Brunei Darussalam telah mengutip

sebanyak 10 pingat iaitu 2 pingat perak dan 8 gangsa melalui acara Pencak Silat.

Kejohanan tahun ini dikuasai oleh negara tuan rumah, Viet Nam, dengan mengutip sebanyak 100 pingat (50 emas, 27 perak dan 23 gangsa).

Ini merupakan pertama kali Viet Nam memperolehi tempat pertama dalam kutipan keseluruhan pingat dan negara yang ketiga pernah mengutip pingat emas terbanyak sejak kejohanan ini bermula pada tahun 2009.

Thailand telah mendapat kutipan pingat emas terbanyak pada kejohanan pertama tahun 2009, kejohanan ketiga pada tahun 2011 dan kejohanan keempat tahun 2012, sementara Malaysia mengutip pingat emas terbanyak pada tahun 2010.

Kira-kira 1,500 atlet daripada lapan buah anggota ASEAN menyertai kejohanan tahun ini yang bersaing dalam sembilan acara sukan iaitu Olahraga, Renang, Sepak Takraw, Badminton (Sukan Wajib), Table Tennis, Pencak Silat, Bola Keranjang, Gimnastik dan Bola Tampar.

Negara-negara yang mengambil bahagian ialah Viet Nam, selaku tuan rumah, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura

dan Thailand.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam pada kejohanan ini terdiri daripada 79 orang iaitu 51 orang atlet dan 28 orang pegawai yang ditugaskan sebagai pegawai pengiring (sekretariat), pengurus pasukan, jurulatih, penolong jurulatih, pegawai perubatan dan pengadil.

Negara Brunei Darussalam menyertai enam acara sukan iaitu Olahraga, Sepak Takraw, Renang, Badminton, Pencak Silat dan Pingpong.

Kejohanan ini merupakan salah satu program tahunan yang dimuatkan dalam kalendar aktiviti Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negara Brunei Darussalam dan juga Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Atlet-atlet Negara Brunei Darussalam yang menyertai kejohanan tahun ini terdiri daripada pelajar pilihan beberapa buah sekolah menengah yang menyertai kejohanan-kejohanan yang dianjurkan oleh JPK.

Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN ini merupakan acara sukan tahunan yang bertujuan untuk mengeratkan talian silaturahim antara pelajar-pelajar rantau ini. Negara Brunei Darussalam di jangka akan menjadi tuan rumah bagi kejohanan kali ketujuh pada tahun 2015.



JOHAN menerima piala pusingan dan replika cek berjumlah BND2,500.00.

Utamakan nilai-nilai kepemimpinan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan.

Dari muka 1

"Beta turut berbesar hati dan bangga kerana seramai 26 pegawai-pegawai kadet telah menyahut cabaran memasuki kerjaya tentera dan sehingga ke saat ini telah membuktikan kesungguhan mereka untuk melepasi segala ujian. Syabas dan tahniah juga kepada semua Pegawai Kadet Pengambilan Kesembilan yang akan ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera dalam ABDB," titah baginda.

Pencapaian ini, menurut titah Baginda, tidak syak lagi adalah sangat besar artinya kepada masa depan bangsa dan bagi kesinambungan pertahanan dan keselamatan negara.

Baginda menambah titah, penghargaan dan pujian patut diberikan kepada Sekolah Pegawai Kadet terutama kepada Komandan, Pegawai-pegawai Staf serta 'color Sarjan' atas usaha mereka yang gigih dan tidak mengenal letih selama 42 minggu untuk menjalani dan melaksanakan program dan latihan dengan jaya.

Sovereign's Parade, titah baginda adalah garis penamat atau acara kemuncak dalam medan latihan tentera dan hari ini adalah detik bersejarah yang juga wajar untuk sama-sama dikenang dan dibanggakan oleh para ibu bapa dan keluarga siapa yang bertanggungjawab mengasuh dan membesarkan anak-anak sehingga dewasa dan kini mereka itu adalah wira negara.

Titah baginda, para ibu bapa dan penjaga patut mensyukuri pencapaian kerana pegawai-pegawai kadet adalah barisan pelapis yang bakal memegang teraju kepimpinan selaku pegawai tentera dalam ABDB.

Menurut titah baginda, pencapaian pegawai-pegawai kadet wajar disyukuri kerana latihan intensif selama 42 minggu membawa kesan yang besar dan mendalam sehingga mampu merubah sifat dan keperibadian pegawai menjadi lebih bertanggungjawab.

Melalui latihan, titah baginda, mereka ini telah disiapkan dengan kewaspadaan menghadapi cabaran dan begitu juga dengan keperkasaan diri selaku wira.

"Beta yakin pegawai-pegawai kadet dapat disifatkan sebagai antara kumpulan remaja terbaik yang berkaliber tinggi, yang telah bersedia untuk memikul tanggungjawab besar selaku pemuda harapan bangsa dan pemuda tiang negara," titah baginda.

Baginda juga berharap segala kualiti dan nilai jati diri yang diperolehi daripada latihan akan terus dipelihara dengan sebaiknya, digilap dan dipertahankan, bukan dibiarkan kabur dan dicemari oleh tingkah laku buruk yang boleh mencacatkan imej institusi ABDB.

Dalam masa yang sama, baginda juga mengalu-alukan 26 orang pegawai kadet pengambilan kesepuluh yang menyertai perbarisan dan seterusnya sangat menghargai kecenderungan dan semangat patriotik yang mereka tunjukkan.

"Jadilah patriot sejati, jangan undur dan jangan kendur semasa menjalani latihan sehinggalah ke penghujungnya," titah baginda.

Pembukaan tadarus bergema di MOAS dan Jame' 'Asr Hassani Bolkiah

**Oleh : Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pentadbiran dan Jabatan Hal Ehwal Masjid malam ini mengadakan pembukaan Majlis Tadarus Sempena Bulan Ramadan 1434 Hijriah/2013 Masihi.

Majlis Tadarus berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS) merupakan salah sebuah masjid yang menjadi tumpuan bagi kunjungan rombongan tadarus KHEU ke masjid-masjid di keempat-empat daerah tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Antara lain majlis diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan di KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung, selain untuk meningkatkan syiar Islam dan amal ibadat di bulan Ramadan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta pegawai-pe-

gawai kanan, pegawai dan kakitangan serta penduduk sekitar masjid tersebut.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dan disusuli dengan bacaan Surah Al Baqarah oleh para peserta yang mengambil bahagian.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Kunjungan rombongan KHEU seterusnya ialah ke Masjid Zainab, Kampung Lumut Daerah Belait pada 13 Julai depan.

Sementara itu, di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mahrub bin Haji Murni hadir selaku tetamu kehormat dengan memulakan bacaan Surah Al Faatihah.

Majlis berkenaan bertujuan bagi menyemarakkan bulan suci Ramadan, meningkatkan syiar Islam dan amal ibadat khususnya dengan bertadarus Al-Qur'an.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dan kakitangan dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta penduduk sekitarnya.

Selain di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, acara serupa juga diadakan di semua masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan rumah-rumah persendirian bagi sama membesarkan bulan Ramadan kerana Al-Qur'an itu sendiri diturunkan dalam bulan Ramadan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Tadarus yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mahrub bin Haji Murni bersama para pegawai dari JPM menyemarakkan suasana pembukaan tadarus dalam Majlis Tadarus yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong.

Waktu persekolahan semasa bulan Ramadan

KEMENTERIAN Pendidikan memaklumkan bahawa waktu-waktu persekolahan semasa bulan Ramadan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah / maktab-maktab kerajaan dan swasta, tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi adalah seperti berikut:

Waktu persekolahan bagi sekolah-sekolah rendah sesi pagi bermula pukul 7.45 pagi hingga 11.40 pagi dan sesi petang bermula pukul 12.00 tengah hari hingga 3.55 petang (bagi sekolah-sekolah yang mempunyai dua sesi).

Sementara waktu persekolahan bagi sekolah-sekolah menengah / maktab-maktab sesi pagi bermula 7.30 pagi hingga 11.50 pagi, manakala sesi petang bermula pukul 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang (bagi sekolah-sekolah yang mempunyai dua sesi).

Semua pelajar termasuk prasekolah di sekolah-sekolah rendah akan bersekolah semasa hari-hari persekolahan pada bulan Ramadan. Bagaimanapun pelajar-pelajar prasekolah akan diberikan kelonggaran waktu belajar mengikut budi bicara pihak sekolah masing-masing.



دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.